

Jilid I
Bil. 8



Hari Jumaat
17hb Disember 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan K. Kumaran [Ruangan 697]

Tuan Haji Shahrom bin Maasom [Ruangan 697]

Tuan Jaafar bin Haron [Ruangan 697]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 697]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 697]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 741]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan Abdullah bin Salleh (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N. P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N, J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J, P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 17hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan K. Kumaran.
Tuan Haji Shahrom bin Maasom.
Tuan Jaafar bin Haron.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga mereka dapat memberikan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

GAJI MINIMA
PEKERJA SWASTA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau

akan menentukan gaji minima bagi pekerja-pekerja khususnya di syarikat-syarikat swasta supaya pekerja-pekerja kita tidak ditindas oleh majikan yang tidak berperikemanusiaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, buat masa ini, Kerajaan tiada cadangan untuk menetapkan gaji minima bagi pekerja-pekerja khususnya di syarikat-syarikat swasta. Struktur gaji di negara kita khususnya berasaskan kepada faktor-faktor permintaan dan bekalan. Bagi sektor pekerjaan di mana pekerja-pekerja diwakili oleh kesatuan-kesatuan sekerja, kadar gaji adalah bergantung kepada keupayaan kesatuan-kesatuan sekerja menetapkannya melalui rundingan dengan majikan-majikan dengan menghasilkan perjanjian-perjanjian bersama. Walaupun perjanjian bersama ini hanya meliputi pekerja-pekerja di sesuatu tempat pekerjaan, namun kadar gaji yang ditetapkan itu akan mempengaruhi kadar gaji bagi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan yang bekerja di sekitar kawasan yang sama dan juga akan mempengaruhi kadar gaji pekerja-pekerja yang bekerja di dalam industri-industri yang sama.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya mempunyai sebuah Majlis Penetapan Gaji yang berupa satu jentera yang ditubuhkan untuk menetapkan kadar saraan minima berkanun dan syarat-syarat pekerjaan

bagi pekerja-pekerja di industri-industri tertentu di mana mereka tidak mempunyai jentera perundingan yang bersesuaian untuk merundingkan kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan dengan memuaskan. Sekiranya ujud pun jentera perundingan sedemikian itu Majlis Penetapan Gaji boleh ditubuhkan sekiranya didapati jentera perundingan sedemikian itu tidak berkemampuan atau tidak mencukupi untuk mewakili ahli-ahli mereka secara menyeluruh dalam merundingkan kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan secara sukarela dan memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini telah pun ujud 4 buah Majlis Penetapan Gaji secara berasingan yang memberi perlindungan kepada Pembantu-pembantu Kedai, pekerja-pekerja Perhidangan dan Hotel, pekerja-pekerja Panggung Wayang dan Pemungah-pemungah Kapal dan Pengendali-pengendali Muatan Pulau Pinang.

Tuan Yang Dipertua, selain dari itu hak-hak pekerja adalah terlindung di bawah beberapa undang-undang buruh yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan ke atas semua tempat-tempat pekerjaan dari masa ke semasa untuk memastikan peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang tersebut dipatuhi dan juga untuk menentukan bahawa para pekerja dibayar kadar gaji yang munasabah dan berpatutan.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya ada pekerja-pekerja yang mempunyai sebarang masalah mengenai penindasan oleh mana-mana majikan, mereka hendaklah berhubung dengan Pejabat Buruh yang berdekatan sekali supaya pengaduan mereka itu dapat disiasat.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan.

Di sini saya hendak mengemukakan soalan tambahan berhubung dengan gaji-gaji pekerja ini iaitu bagi kakitangan atau pekerja-pekerja Islam yang sering kita dengar pekerja-pekerja Islam ini tertindas, potong gaji dan seterusnya. Ada yang dibuang kerja iaitu apabila mereka itu menunaikan fardhu Sembahyang Jumaat seperti hari ini. Oleh itu, saya hendak tahu apakah tindakan Kerajaan pada hari ini yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat, ada yang dipotong gaji dan ada yang dibuang kerja sebab pergi Sembahyang Jumaat sedangkan agama rasmi negara ini ialah agama Islam yang mewajibkan kita umat Islam pergi Sembahyang Jumaat.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kementerian saya tidak dapat apa-apa tuduhan seperti Yang Berhormat kata itu. Jikalau ada kes-kes yang spesifik, saya harap Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan Pejabat Buruh atau Kementerian saya supaya kes itu dapat disiasat dan tindakan bolehlah diambil.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa Kementeriannya secara tidak langsung tidak boleh menetapkan gaji minima buruh sehabis-habis rendah dalam negeri ini, saya amat terkejut. Adalah tanggungjawab Kerajaan kita menjaga seluruhnya. Misalnya, orang makan gaji, kita tidak benarkan dalam zaman keadaan dunia yang macam ini, tidak kurang dari \$10 sehari gajinya kita mesti beri, serendah-rendah buruh orang makan gaji dalam negeri ini dapat \$10 sehari supaya kehidupannya dapat lebih kurang sebagaimana

manusia. Saya tidak percaya Kerajaan kita tidak boleh mengambil tahu pula hal-ehwal rakyatnya yang lebih merana yang bekerja dalam swasta-swasta yang ada kurang dari \$10 sehari, ada yang dapat \$5 bekerja dalam swasta dalam negeri kita ini. Mengapa sampai macam ini? Apa yang hendak dimaknanya dengan gaji \$5, Tuan Yang Dipertua?

Saya berasa amat kesal kalau berterusan kita mengatakan negara kita ini sudah makmur, sudah maju, sudah bertambah kaya, sudah bertambah senang tetapi sebahagian dari rakyat kita yang bekerja di swasta-swasta asing ataupun swasta-swasta orang kita sendiri Malaysia yang kaya raya tetapi gaji mereka tersangat rendah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kalau tidak adapun dalam peraturan buruh dalam negeri kita ini supaya diadakan satu tanggagaji maksima yang sehabis rendah di mana juga buruh yang bekerja dengan swasta dalam negeri ini jangan kurang dari \$8 atau \$10. Saya mencadangkan \$10 demi kehidupan pada masa sekarang sehabis rendah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri perakukan yang ini boleh diambil tindakan?

Kedua, saya juga ragu apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saudara kita tadi, ada buruh-buruh dikatakan tidak boleh menggunakan masa hari Jumaat untuk Sembahyang Jumaat padahalnya sembahyanglah yang meningkatkan kerja dalam industri itu sendiri. Apabila buruh-buruh bersembahyang, ingat kepada Tuhan, dia mesti bekerja bersungguh-sungguh, bekerja tidak boleh buat penipuan sebab orang-orang yang berkepercayaan, orang-orang yang menyembah Tuhan yang sebenarnya dia mesti jujur, bekerja bersungguh-sungguh. Jadi, kalau diberi peluang dia mengerjakan ibadat, barangkali

bertambah keuntungan lagi swasta itu, tetapi ada di antara mereka yang menahan, sebenarnya ada dan kalau pun tidak benar secara tidak langsung dia tidak senang kepada buruh dan macam itu. Kita fahamlah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seorang majikan yang rasa tidak senang kepada orang bawahnya apa akibatnya. Jadi, bolehkah kita perakukan bahawa pada masa akan datang dalam swasta atau di mana-manapun, Kerajaan kita beri peluang sungguh-sungguh dalam mengerjakan ibadat agama Islam dalam negeri kita ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, ada di dalam jawapan asal saya tadi Kerajaan pun sudah ada 4 Majlis Penetapan Gaji, ini bermakna Kerajaan tidak boleh menentukan satu gaji minima keseluruhannya, tetapi kami mesti juga mengkaji satu gaji minima bukanlah yang betul boleh ditetapkan keseluruhannya oleh kerana keadaan-keadaan di satu-satu negeri ada lain dan keadaan industri yang berbeza-beza itu pun mesti ambil kira juga dan selain dari itu kami mesti juga ambil kira bukan sahaja gaji pokok, kita mesti mahu ambil kira juga apa yang diperuntukkan oleh majikan selain dari gaji seperti kemudahan-kemudahan dan peruntukan-peruntukan lain seperti kenderaan, rumah tempat tinggal, makanan yang disubsidised, pakaian seragam dan lain-lain. Oleh yang demikian Kerajaan pun berasa selain dari itu di negara kita ada kesatuan-kesatuan yang boleh berunding dengan majikan-majikan dan dihasilkan perjanjian-perjanjian bersama. Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk dibuat satu gaji minima keseluruhannya.

Kepada soalan kedua Yang Berhormat itu, memang Kementerian saya sedar juga ada setengah-setengah majikan melarang pekerja-pekerja

mereka untuk diberi peluang sembahyang hari Jumaat, tetapi bilangan ini adalah kecil dan di mana-mana sahaja apabila kita dapat pengaduan itu Pejabat Buruh kita menjalankan siasatan dan menasihatkan majikan-majikan itu supaya memberi peluang untuk pekerja-pekerjanya sembahyang hari Jumaat, tetapi sampai sekarang pun kami belum ada menerima apa-apa pengaduan pekerja-pekerja itu ada pernah kena potong gaji kerana pergi Sembahyang Jumaat.

PEMULIHAN SAWAH TERBIAR

2. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldir Aljamlud minta Menteri Pertanian menyatakan butir-butir skim untuk melaksanakan konsep ladang padi (padi estate) yang telah disuarakan oleh Kerajaan baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang diambil ke arah pelaksanaan konsep itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, pemuliharaan sawah terbiar secara peladangan (padi estate) merupakan pendekatan paling cecuk bagi mengatasi masalah tanah terbiar yang disebabkan oleh saiz yang tidak ekonomik dan kekurangan tenaga kerja untuk diusahakan oleh petani-petani secara persendirian. Di bawah konsep ini, kerja pemuliharaan akan diurus dan dikendalikan oleh Badan-badan Corporate misalnya Syarikat atau Pertubuhan Peladang. Tanah-tanah akan disewa oleh Badan-badan ini bagi tempoh 5 hingga 10 tahun untuk dimajukan dengan kadar sewaan yang lazim di satu-satu negeri itu dan akan dicantumkan menjadi satu kawasan ladang yang luas bagi membolehkan penggunaan modal dan tenaga jentera secara yang ekonomik. Petani-petani tuan tanah yang berminta boleh juga diambil bekerja di ladang-ladang ini dengan dibayar upahan.

Selain dari tanah-tanah ini disewa sebagai pilihan pertama, tuan-tuan tanah juga berpeluang untuk menyerahkan tanah-tanah mereka untuk dimajukan oleh Badan-badan Corporate tadi dan mereka akan diberi "share" di dalam ladang padi ini mengikut jumlah keluasan tanah yang dipunyai dalam satu-satu estet itu. Keuntungan yang dihasilkan akan diagihkan mengikut jumlah share yang dipunyai.

Konsep ini telah pun dilaksanakan di Seberang Prai di mana kawasan seluas 186 hektar telah dipulihkan sementara 2,702 hektar lagi akan dipulihkan. Badan yang akan menguruskannya ialah Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang dan Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan akan membantu dalam usaha ini khususnya dari segi memperbaiki dan meningkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan cara-cara bagaimana kita hendak mewujudkan ladang padi (padi estate), tetapi kekurangan jawapan itu adalah, peranan Kerajaan di dalam menggesakan ladang-ladang ini menjadi satu estet yang besar. Jika kita lihat pertumbuhan ekonomi, di sekitar kawasan ini, banyak negara-negara ekonominya merosot. Tetapi bila kita tengok ke utara, di Negeri Thailand, cuma satu negeri yang ekonominya tidak merosot, dan berkembang hinggakan pada tahun ini meningkat ke taraf 8% tingginya. Sebab-sebabnya adalah fasal Negeri Thailand itu memajukan sektor pertanian, dan sektor pertanian ini disasarkan kepada ladang-ladang padi yang sebegitu besar secara tanaman bersama (collective farming).

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pembantuan sahaja yang Kerajaan

campur tangan dalam perkara ini ataupun mengambil peranan penting mendesak, menggesa kawasan-kawasan kecil itu dicantumkan seperti cara-cara yang disebutkan tadi, cara badan peladang-peladang, atau secara koperasi, ataupun cara syarikat-syarikat; sama ada campur tangan begitu sahaja ataupun hendak menggesakan mengambil peranan penting untuk mengadakan collective farming, tanaman bersama, itu.

Soalan kedua, Kerajaan telah pun mengambil satu dasar atas collective farming, tanaman bersama, ini tetapi Kerajaan nampaknya duduk sahaja sudah beberapa lama sungguhpun perkara itu dicatat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Bilakah dasar ini dapat diimplementasikan, bukan tengok secara jauh sahaja tetapi diimplementasikan oleh Kerajaan?

Pertanyaan ketiga, berbangkit daripada itu saya ingin tahu bila agaknya Kerajaan dapat mengambil peranan mewujudkan sistem collective farming ini, ataupun menanam bersama ini, di masa akan datang.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, walaupun soalan itu dibahagikan kepada tiga bahagian tetapi oleh kerana tiga bahagian itu ada kaitan jadi saya mengumpulkan sekali gus untuk menjawabnya.

Tuan Yang Dipertua, konsep collective farming di negara kita ini barangkali membayangkan satu sektor yang tidak dapat diterima oleh petani-petani kita iaitu ada usul-paksaan di dalam collective farming ini. Barangkali petani-petani di negara kita ini tidak dapat menerima usul-usul paksaan itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang mengambil berat atas perkara tanah terbiar melalui langkah-langkah yang saya jelaskan sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, suka saya menyatakan di sini, tanah-tanah terbiar ini adalah kepunyaan orang persendirian. Kita hanya boleh menjalankan usaha untuk memujuk mereka mengambil bahagian di dalam skim-skim yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian. Skim ini iaitu skim untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar ini pun baharulah kita menjalankan pada tahun ini dan boleh dikatakan ini adalah satu percubaan dan boleh dikatakan walaupun adalah satu perkara percubaan tetapi kita telah pun dapat hasil yang menggalakkan. Kita akan teruskan usaha ini supaya tanah-tanah terbiar ini dapat digunakan dengan baik dan mengurangkan pembaziran yang diwujudkan oleh tanah-tanah terbiar ini.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Al-jamlud: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan tanpa apa-apa ulasan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah konsep padi ladang (padi estate) ini mengikut detail-detail dan cara-cara yang diterangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi akan dapat mencetuskan satu polisi baru berkenaan dengan pengeluaran beras negara ke tahap 100% bagi keperluan rakyat di negara kita ini dalam jangka masa katakanlah 10 tahun.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, memang adalah satu kedudukan yang ideal, yang sempurna jika kita boleh dapat mengeluarkan hasil padi untuk self-sufficiency, tetapi ada faktor-faktor yang lain yang mana barangkali kita tidak dapat mencapai kejayaan untuk mengadakan self-sufficiency itu tetapi kita akan cuba supaya kita akan capai satu kedudukan yang sempurna.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu sama ada Kementerian pertanian telah melaksanakan projek-projek ladang ini, jika ada tolong beritahu tempat-tempat di mana projek tersebut telah dilaksanakan.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, dalam soal asal saya pun telah menyatakan di Seberang Prai kita sudah ada satu kawasan yang kita jalankan dan sekarang ini kita ada rancangan untuk menjalankan lagi satu padi estate juga dekat dengan kawasan Seberang Prai yang saya sebutkan tadi.

CUTI SAKIT KEPADA PEKERJA LADANG

3. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak pengurusan ladang-ladang terlalu ketat bila memberi cuti sakit kepada pekerja-pekerja mereka walaupun Undang-undang Pekerjaan 1955 memberi kemudahan ini kepada pekerja-pekerja dan didapati banyak kes dilaporkan di mana pekerja-pekerja terpaksa pergi ke Hospital-hospital Kerajaan di mana doktor Kerajaan telah berpendapat pekerja itu benar-benar sakit dan memerlukan cuti sakit.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, di bawah Seksyen 60F Akta Kerja, 1955, setiap pekerja adalah berhak mendapat cuti sakit bergaji dengan syarat ia telah diperiksa oleh doktor yang dilantik oleh majikannya atau diperiksa oleh lain-lain doktor atau doktor Kerajaan jika perkhidmatan doktor yang dilantik itu tidak dapat diperolehi dalam tempoh yang munasabah.

Seseorang pekerja itu adalah berhak mendapat jumlah cuti sakit bergaji dalam setahun seperti berikut:

- (i) 14 hari setahun bagi tempoh pekerjaan kurang dari 2 tahun;
- (ii) 18 hari setahun bagi tempoh pekerjaan melebihi 2 tahun tetapi kurang dari 5 tahun;
- (iii) 22 hari setahun bagi tempoh pekerjaan lebih dari 5 tahun.

Apabila seseorang pekerja itu dimasukkan ke Rumah Sakit, beliau adalah berhak mendapat cuti sakit bergaji sebanyak 60 hari dalam setahun tidak kira berapa lama tempoh perkhidmatannya. Hak cuti tersebut termasuk kelayakan cuti sakit bergaji yang berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya ada pekerja-pekerja yang mempunyai sebarang masalah mengenai perkara ini, mereka hendaklah berhubung dengan Pejabat Buruh yang berdekatan sekali supaya pengaduan mereka dapat disiasat.

LAPANGAN TERBANG PULAU LANGKAWI

4. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dalam usaha membesarkan Lapangan Terbang Pulau Langkawi selaras dengan cita-cita Kerajaan memajukan Industri pelancungan di pulau tersebut.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pengangkutan telah mengambil tindakan melaksanakan kajian pelan induk dan rekabentuk awal (preliminary design) 1981 bagi

membesarkan lapangan terbang Pulau Langkawi. Kerja-kerja penyiasatan bumi dan sukatan topographic atau soil investigation and topographical survey, dengan izin, sedang dijalankan dan dijangka siap pada Disember, 1982.

Kerja-kerja pembinaan projek ini akan dijangka bermula pada pertengahan 1983 dan akan mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Soalan tambahan saya begini sahaja. Apakah sebab Kementerian Pengangkutan menamakan sesuatu lapangan terbang itu kadang-kadang berbeza, umpamanya di Pulau Pinang. Lapangan terbang Antarabangsa Pulau Pinang (Pulau Pinang International Airport) tetapi di Kuala Lumpur dipanggil Subang Airport "Subang" itu ada. Manakala ke Senai pula "Senainya" ada. Apa sebab Pulau Pinang tidak sebut Bayan Lepas atau Bayan International Airport maka apa sebab maka tentang Pulau Pinang itu tidak mahu sebut Bayan. Subang dipanggil, Senai dipanggil dan apa sebab dan apa polisinya di pihak Kementerian berbuat demikian.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf tidak dapat menjawab soalan itu, saya akan bawa pertanyaan itu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah diambil bagi mewujudkan lapangan terbang Senai sebagai lapangan terbang antara-bangsa.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, itu soalan lain.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Di sini saya ingin bertanya; pembesaran ini sedang dijalankan dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah perbelanjaan dianggarkan untuk membesarkan Lapangan terbang Pulau Langkawi ini.

Yang Kedua, apakah rancangan Kerajaan ataupun usaha kerajaan sekarang setelah lapangan terbang ini siap dengan baik dan besar untuk membawa pelancung-pelancung untuk melawat ke Pulau ini dan dari sekarang apakah program-program atau langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan sementara lapangan terbang ini siap, orang tahu apa hendak buat dalam tahun ini; apakah rancangan, adakah tempat-tempat peranginan dan sebagainya sungguhpun sekarang tidaklah begitu sesuai rasa saya. Apa rancangan Kerajaan?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan yang Dipertua, saya minta notis.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyampaikan kepada pihak berkuasa atau kepada Menteri yang berkenaan. Kalau sekiranya di Dewan ini mestilah Menteri yang bertanggungjawab itu hadir supaya dapat menjawab dengan betul. Kalau dengan keadaan sekarang ini, saya simpatilah dengan Yang Berhormat, tetapi apa yang ditanya tidak boleh jawab, rugilah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab dengan back-bencher yang koman-koman ini. Bolehkah atau tidak diberi jaminan pada masa yang akan datang bahawa Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri mesti hadir, dia boleh jawab. Jangan po-pa-po-pa sahaja, Kalau po-pa-po-pa pun kita boleh po-pa-po-pa juga.

Dato' Chin Hon Ngian: Itu bukan soalan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Saya minta Yang Berhormat sampaikan. Saya cakap ini terang, Tuan Yang Dipertua. Saya minta (appeal) Yang Berhormat sampaikan kepada Menteri—ini bukan soalan, saya faham, Tuan Yang Dipertua.

DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL-HOSPITAL

5. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memenuhi kekosongan doktor-doktor pakar, khususnya di hospital-hospital besar di ibu-ibu negeri di seluruh negara terutamanya di negeri Pantai Timur; dan
- (b) adakah Kementerian akan menimbang mempelawa rakyat negara asing berkhidmat di negara ini dengan menawarkan gaji yang lumayan kepada mereka untuk memenuhi kekosongan ini dan segera demi kepentingan rakyat jelata.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di semua hospital besar di ibu negeri di seluruh negara kita, termasuk negeri-negeri Pantai Timur, Kementerian telah menempatkan pakar-pakar dalam bidang kepakaran asas seperti Perubatan Umum, Pembedahan Umum, Perbidanan & Sakitpuan dan Kanak-kanak dan lain-lain. Dikebanyakan hospital-hospital besar terdapat 2 orang pakar dalam tiap-tiap bidang Perubatan dan Pembedahan Umum. Tambahan pula, terdapat juga

pakar-pakar dalam bidang-bidang lain seperti X-Ray, Bius, Kajipenyakit, Othopidik, Mata, Penyakit Jiwa dan Penyakit Dada.

Pada masa ini, Kementerian sedang mengalami kekurangan dalam bidang kepakaran tertentu khususnya Bius, Kajipenyakit, X-Ray, Telinga, Hidung dan Tekak, dan Penyakit jiwa. Walau bagaimanapun pakar-pakar dalam bidang ini telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang strategik bagi memberikan perkhidmatan liputan serta perundingan ke negeri-negeri jiran yang tidak mempunyai pakar-pakar itu.

Bagi bidang-bidang yang lebih khusus, terutamanya Neurosurgery, Neurology, Urology, Nephrology, Radiotherapy, Cardiology dan Cardiothoracic Surgery, pakar-pakar ini hanya terdapat di Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk memberikan perkhidmatan kepakaran bagi kes-kes yang dirujuk oleh pakar-pakar di seluruh negara.

Walaupun bagaimanapun, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian memberi pertimbangan yang istimewa kepada negeri-negeri pantai timur dalam menempatkan pakar-pakar dan akan meneruskan usaha ini seberapa yang boleh.

Kementerian sentiasa berusaha juga untuk menambahkan bilangan pakar-pakar dengan menyediakan lebih banyak hadiah biasiswa dan kemudahan cuti belajar kepada doktor-doktor yang berkecukupan. Di samping itu, Kementerian juga telah mengambil pakar-pakar asing berkhidmat secara persendirian ataupun atas persetujuan antara Kerajaan dengan Kerajaan. Pada masa ini terdapat 41 pakar-pakar perubatan asing yang berkhidmat dengan Kementerian kita. Ramai lagi pakar akan diperolehi dalam masa

akan datang. Pada masa ini, Kementerian sedang berhubung dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapat kelulusan bagi tangga gaji yang selaras dengan kelulusan kepakaran yang dimiliki oleh doktor-doktor pakar daripada negara-negara asing yang diambil berkhidmat secara kontrak di negara kita. Kementerian juga telah membincangkan kemudahan yang lebih menarik bagi doktor-doktor dan pakar tempatan yang berkhidmat dengan Kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan. Saya berterima kasih mendapat jawapan yang sangat terang betapa buruknya kedudukan kesihatan di negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita kekurangan doktor namun kekurangan pakar-pakar mungkin lebih makin buruk. Jadi saya tengok daripada Laporan Ekonomi, baharu-baharu ini, negara kita ini cuma ada seorang doktor bertugas untuk rakyat sebanyak 3,248 orang, wal hal di negara-negara maju tiap-tiap 500 orang rakyat ada seorang doktor. Kita ini terkebelakang sebanyak enam kali ganda nampaknya. Serupa juga dengan negara-negara yang tidak maju langsung seperti negara Afrika. Juga saya lihat di sini bahawa kedudukan hospital pun begitu juga, bahawa kedudukan sekarang sebanyak 500 orang rakyat cuma ada satu sahaja tempat tidur atau katil di hospital. Standard nisbah, Tuan Yang Dipertua, adalah 200 orang rakyat untuk satu katil di hospital. Kita pun terkebelakang dua setengah-kali dalam hal itu.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini dapat dibaiki jika Kerajaan mengambil peranan yang penting untuk membaiki. Janganlah perkara ini yang sudah dua tahun dahulu Yang

Berhormat bercerita hal ini, hari ini pun serupa juga ceritanya yang saya dengar. Kalau langkah atau tindakan yang penting diambil, perkara ini tidak jadi seperti kedudukan yang buruk sekarang ini. Jadi, pertanyaan saya begini, Tuan Yang Dipertua, mengapa semenjak dua tiga tahun ini, perkara ini diabaikan, tidak ada pergerakan pertumbuhan? Itu pertanyaan saya yang pertama.

Yang Kedua, kita ada galakan seperti Investment Incentive Act. Kenapa Kementerian Kesihatan tidak mengeluarkan galakan-galakan ini kepada negara-negara asing supaya mereka datang menanam modal di negara ini untuk mendirikan hospital-hospital private, Seperti di Amerika Syarikat umpamanya, kebanyakan hospital adalah hospital private, jadi orang boleh pergi ke situ. Kenapa galakan ini tidak dicatatkan di dalam Investment Incentive Act Supaya orang-orang boleh datang melabur di negara kita ini dengan banyak galakan, cukai pendapatan 10 tahun dikecualikan seperti yang dibahagikan kepada perusahaan-perusahaan lain.

Yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, jikanya ada Investment Incentive Act kenapa negara kita tiada Employment Incentive Act yang boleh memberi kepada doktor-doktor, pakar-pakar kesihatan ataupun pakar-pakar yang lain—ahli-ahli sains, yang boleh datang bekerja di negara kita ini di bawah Employment Incentive Act, maknanya dia tidak payah bayar cukai pendapatan 10 tahun seperti juga industri-industri di negara kita ini. Itu sahaja tiga soalan saya, Tuan Yang Dipertua.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, sebagai jawapan pertama, adalah tidak benar bagi menggambarkan kedudukan perkhidmatan kesihatan atau rawatan kita sebagai buruk. Sebaliknya saya rasa perkhidmatan rawatan perubatan kita adalah satu yang terbaik jika

di luar daripada tempat-tempat yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan di Kementerian kita. Kerajaan tidak mempunyai apa juga cadangan untuk melanjutkan sekatan itu, kerana itu akan jadi satu beban yang besar dan kita harus juga ingat bahawa dalam Perkhidmatan Perubatan sahajalah Kerajaan mempunyai sekatan seperti itu di mana seorang graduan tidak dapat bekerja dengan swasta sebelum berkhidmat selama tiga tahun dengan Kerajaan. Tetapi memang kita mempunyai peraturan seperti di Kementerian-kementerian yang lain di mana seorang doktor diberi biasiswa untuk latihan lanjutan (post-graduate) di seberang laut ataupun di sini, mereka diikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan selama lima tahun atau tempoh yang wajar. Itu memang akan diteruskan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya sukacita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa rundingan telah dibuat dengan JPA bagi menawarkan gaji yang lebih baik bagi doktor-doktor. Bolehkah Yang Berhormat bayangkan di sini bahawa ada kejayaan rundingan itu atau tidak, kerana doktor juga dari masa ke semasa berhenti dan kalau kita ambil daripada pakar luar negeri itu ada baiknya juga tetapi apa salahnya kalau kita mengekalkan rakyat negara ini jangan berhijrah ke luar negeri, ke Australia atau ke mana-mana dengan sebab tidak cukup gajinya jika dibandingkan dengan ilmiahnya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat atau tidak menerangkan dalam Dewan ini sejauh mana perundingan yang telah dibuat dengan JPA?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya belum mempunyai kebenaran daripada pihak Perbendaharaan untuk mencetuskan berita itu atau membayangkan secara

mendalam dalam perkara itu tetapi saya dapat menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian telah mencapai beberapa kemajuan dan mempunyai harapan yang penuh bahawa beberapa cadangan yang pihak Kementerian telah kemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak Perbendaharaan bahawa beberapa cadangan itu akan dapat diterima sedikit sebanyak dan tawaran yang mungkin akan dapat dibuat kepada doktor-doktor dan pakar-pakar nanti adalah satu yang kita rasa akan meninggikan lagi kebolehan kita menarik doktor-doktor bekerja terus dengan Kementerian.

ASAP/UBAT KIMIA OLEH KILANG-LILANG

6. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kilang-kilang dan industri-industri mengeluarkan asap dan ubat kimia di ladang-ladang tanpa dikawal dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk menjaga keselamatan awam terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar bahawa kilang-kilang dan industri-industri mengeluarkan asap-asap dan ubat kimia ataupun racun prosak di ladang-ladang tanpa dikawal.

Sebenarnya, pelepasan effluen dan asap daripada kilang-kilang kelapa sawit dan getah dikawal melalui satu sistem pelesenan bersyarat oleh Kementerian saya melalui Bahagian Alam Sekitar. Ini bermakna mereka tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan supaya sentiasa mematuhi kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Sejak tahun 1980 hasil daripada aktiviti penguatkuasaan, tindakan seperti berikut telah pun diambil:

- (i) 10 kilang getah dan 22 kilang kelapa sawit telah dihadapkan ke mahkamah. Kesemuanya, melainkan satu kilang, telah mengakui kesalahan, dan denda berjumlah \$20,150 telah dikenakan.
- (ii) Lesen 4 buah kilang kelapa sawit telah digantung sehingga menyakinkan pihak yang berkenaan bahawa segala tindakan bagi mengadakan sistem pengolahan effluen akan disempurnakan dalam jangka masa tertentu.
- (iii) Di dalam 27 kes di bawah tawaran kompaun bagi kesalahan telah diterima oleh pekilang-pekilang dan sejumlah \$10,550 telah dikutip sebagai bayaran kompaun.

Pada keseluruhannya, keadaan adalah terkawal.

Berbalik kepada semburan ubat kimia ataupun racun perosak di ladang-ladang, perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian yang menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak, 1974. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, racun-racun perosak yang membahayakan, iaitu mempunyai sifat-sifat kebiasaan yang tinggi, tidak diluluskan (iaitu tidak didaftarkan) untuk diimport, dikilang atau dijual di Malaysia. Mana-mana racun perosak membahaya yang diluluskan pula, didaftar dengan syarat-syarat tertentu, misalnya jenis-jenis penggunaannya dihadkan. Segala syarat-syarat ini dinyatakan pada label bungkusan keluaran racun perosak itu untuk makluman pengguna-pengguna.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, tindakan bercorak perundangan tidak semestinya menjadi langkah

sempurna bagi mengatasi masalah ini. Apa yang diperlukan ialah kesedaran semua pihak supaya sentiasa menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar supaya alam sekitar bermutu tinggi. Di dalam usaha ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh memainkan peranan penting dengan menasihatkan rakyat jelata berbuat demikian.

Saya merasa sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberitahu nama kilang yang mengeluarkan asap serta menyemburkan ubat kimia yang menyebabkan pencemaran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil oleh Kementerian saya.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Pertanyaan saya ini adalah berkaitan dengan kilang-kilang dan industri-industri yang mengeluarkan asap dan sumber ubat kimia. Pertanyaan saya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah kedudukan alam sekitar di Wilayah Persekutuan. Baru-baru ini ada satu laporan, yang mengerikan semua penduduk-penduduk di sekitar Wilayah Persekutuan, yang mengatakan bahawa tahap racun raksa ataupun lead poisoning level di Wilayah Persekutuan sekarang telah meningkat ke garisan yang amat membahaya yang akan mencetuskan maut untuk penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini, termasuk kanak-kanak di Wilayah Persekutuan ini. Dalam jangka masa sembilan bulan yang lepas Department of Environment telah menyukat isi padu udara di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan menyatakan bahawa lead poisoning level ataupun garisan racun raksa telah meningkat sebanyak 4.5 microgram tiap-tiap satu meter isipadu udara. Ini telah tinggi daripada taraf yang dibenarkan oleh negara-negara lain dan juga Department of Environment yang menyatakan kesihatan seseorang

itu tidak boleh diexposekan kepada garis racun raksa melebihi 1.5 microgram tiap-tiap satu meter isipadu udara. Jadi pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membasmikan bahaya ini kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan dan kepada kanak-kanak semuanya.

Pertanyaan yang kedua, perlukah Kerajaan menyalurkan ataupun mengusir kilang-kilang itu keluar daripada Lembah Kelang ke tempat-tempat yang lain. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya keputusan kajian yang berkenaan belum lagi disediakan ataupun belum selesai. Apabila kajian itu sudah selesai dan berdasarkan keputusan itu kelak, tindakan akan dilaksanakan.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Di samping usaha Kerajaan sekarang dalam rancangan pembangunan negara kita diselit-selitkan industri-industri di kawasan-kawasan perumahan, maka bagi mengelakkan pencemaran udara itu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidakkah Kerajaan bercadang di masa yang akan datang kelak di kawasan-kawasan perumahan tidak akan dibenarkan lagi didirikan pusat-pusat perindustrian yang mengeluarkan asap dan sebagainya. Perkara ini terjadi di Petaling Jaya sekarang ini tiap-tiap malam iaitu di kawasan Sungai Way, tempat buat Guinness Stout yang berbau busuk mulai waktu malam sampai ke pagi. Begitu juga bau gas oleh sebuah syarikat perkilangan di Lebuhraya Persekutuan yang berbau

busuk, itu pun merupakan ancaman pencemaran udara kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Soalan kedua, saya ingin bertanya apakah tindakan ataupun pampasan yang didapati oleh kaum-kaum tani di luar bandar yang mana berdekatan dengan kawasan estate ataupun ladang-ladang kerana ladang-ladang itu kadang-kadang kala menyemburkan ubat yang mengandungi racun untuk membunuh lalang menyebabkan banyak kematian kerbau-lembu dan kambing. Apabila orang kampung hendak tuntutan ganti rugi tak dapat kerana pihak estet itu mengatakan dia tak ambil tahu hal itu, kadangkala kaum tani itu pula kena bayar kononnya mereka tak menjaga lembu—kambing atau ternakan mereka masuk dalam kawasan estet itu padahal estet itu tidak berpagar. Apakah tindakan Kerajaan? Adakah Kerajaan bercadang mengarahkan pada masa yang akan datang supaya pihak yang berkenaan membayar suguhati kepada penduduk kampung ataupun di luar bandar yang terlibat ternakannya mati kena racun ubat kimia itu?

Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan yang pertama, kilang yang menyebabkan pencemaran itu telah diadakan terdahulu sebelum kawasan perumahan itu dibina, tetapi ini satu masalah yang pada masa sekarang belum lagi dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memanglah mencuba supaya kilang-kilang seperti itu dikawal keluaran asapnya. Jadi dapatlah dikurangkan paras pencemaran itu.

Mengenai soalan nombor dua itu berkenaan bayaran kerugian atau compensation kepada siapa yang terlibat ternakannya itu. Kerajaan susahlah hendak mengambil tindakan sebab sesiapa yang menanggung kerugian bolehlah minta compensation

dibandingkan dengan beberapa negara yang lain baik mereka sudah membangun ataupun belum membangun. Ini dapat dibuktikan melalui angka-angka dan juga melalui perkhidmatan yang diberi di hospital-hospital dan juga di kawasan-kawasan yang lain.

Dari segi liputan perkhidmatan, dari segi berbagai-bagai kemudahan yang diberi dan dari segi mutu perkhidmatan rawatan yang diberi saya berani kata bahawa kita tidak ada satu perkara pun untuk merasa malu sebaliknya kita harus bangga bahawa kita dapat memberi dan mewujudkan satu perkhidmatan yang baik untuk rakyat kita.

Dan lagi saya rasa perkhidmatan perubatan ataupun rawatan, pada umumnya tidak bergantung kepada adanya pakar-pakar yang tinggi, saya rasa ini lebih bergantung kepada kesedaran rakyat sendiri tentang kesihatan mereka dan kemudahan di hospital-hospital untuk mendapat rawatan bagi penyakit-penyakit yang biasa dihadapi oleh rakyat kita. Kita boleh mengatakan bahawa kita pada masa ini di hospital-hospital Kerajaan mempunyai seramai 220 atau lebih orang pakar perubatan, satu angka yang bukan kecil yang dibagi-bagikan di negeri-negeri di seluruh negara kita.

Mengenai soal katil itu, saya rasa itu adalah soal berlainan.

Mengenai incentive atau galakan untuk hospital swasta, itu juga saya rasa adalah soal berlainan.

Mengenai galakan kepada pakar-pakar untuk mengambil atau mengikuti latihan kepakaran, saya telah menghuraikan beberapa tindakan yang telah diambil dan Kerajaan sekarang ini sedang memikirkan, membincangkan berbagai-bagai galakan yang baharu untuk menarik dan mendapat terus menggajikan beberapa pakar yang

dikehendaki oleh Perkhidmatan Kesihatan dan rawatan perubatan di hospital-hospital kita.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Saya berpendapat salah satu daripada punca kekurangan doktor di dalam negara kita ini sama ada doktor pakar ataupun yang tidak pakar ialah dengan pemberhentian ataupun meletak jawatan bagi doktor-doktor yang biasa kita dengar. Sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pihak doktor-doktor telah diberi penilaian jawatan yang istimewa dan juga keistimewaan dalam gaji ataupun layanan tetapi pemberhentian doktor-doktor tidak juga dapat disekat atau dibendung. Jadi saya percaya perkara ini ada masalah-masalah atau perkara-perkara yang mungkin barangkali layanan kepada para doktor sama ada doktor pakar ataupun doktor umum saya rasa tidaklah ada apa-apa langkah bagi pihak Kerajaan untuk mengikat doktor-doktor ini supaya dapat berkhidmat lebih lama lagi, tidak selepas dua atau tiga tahun mereka berhenti menjalankan perusahaannya ataupun berniaga sendiri, membuka klinik private. Saya memberikan pandangan sama ada Kerajaan akan memberi keistimewaan seumpama berkenaan gaji, kemudahan-kemudahan yang lain seperti kemudahan naik pangkat dan sebagainya lagi kepada para doktor sama ada doktor pakar ataupun doktor umum bagi membendung supaya tidaklah semudah-mudah mereka itu meletakkan jawatan atau berhenti daripada perkhidmatan doktor Kerajaan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, kita sedar ada peraturan untuk menyekat perkhidmatan doktor-doktor. Pada perlantikan permulaannya sebagai housemen dan lain-lain, semua doktor dipaksa bekerja dengan Kerajaan selama tiga tahun sebelum mereka dapat bekerja

atau gantirugi daripada tuannya estet itu. Saya fikir susahlah semua hal ini jika hendak dipulangkan kepada tanggungjawab Kerajaan, sepatutnya sesiapa yang menyebabkan pencemaran alam sekitar, merekalah yang bertanggungjawab.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

DASAR PANDANG KE TIMUR

7. Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan

- (a) kesan dasar pandang ke Timur dijalankan sehingga ini; dan
- (b) sama ada dasar ini akan menyebabkan kebanyakan tender projek pembangunan negara diberikan kepada firma Jepun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Kesan dasar pandang ke Timur yang dijalankan sehingga ini bolehlah dilihat dari dua penjuruan:

- (a) *Kesan kepada Malaysia*
 - (i) Beberapa golongan rakyat Malaysia memberi sambutan yang amat menggalakkan dengan menunjukkan minat untuk mempelajari Bahasa Jepun dan Korea dan ingin mengikuti etika bekerja orang-orang Jepun dan Korea. Kelas-kelas Bahasa Jepun dan Korea di institusi-institusi pengajian tinggi seperti Institut Teknologi MARA, Universiti Malaya dan

Universiti Kebangsaan Malaysia mendapat sambutan yang baik.

- (ii) Dari segi program-program latihan, seramai 135 orang pelatih menjalani latihan bahasa Jepun selama 6 bulan dan sekarang sedang menjalani latihan "in-plant" di firma-firma perindustrian di negeri Jepun. Kumpulan kedua dan ketiga seramai 489 orang lagi akan dihantar dalam tahun 1983; seramai 43 orang pelajar kita akan dihantar untuk mengikuti kursus akademik di universiti-universiti di negeri Jepun pada tahun 1984 dan 60 orang pada tahun 1985. (55 orang tenaga pekerja dan 20 orang pelajar kita akan dihantar ke Korea Selatan pada tahun 1983).
- (iii) Kerajaan juga sedang mengkaji dengan giatnya sistem bekerja yang dianuti oleh pekerja-pekerja Jepun menerusi 'Quality Control Circles'nya.
- (iv) Institusi-institusi latihan kita seperti INTAN dan Pusat Daya Pengeluaran Negara telah mengadakan perhubungan 'International Linkages' dengan beberapa institusi latihan/penyelidikan negeri-negeri Jepun dan Korea.
- (v) Beberapa perbadanan-perbadanan perdagangan telah diwujudkan di negara ini, iaitu mengikut bentuk dan sifat Sogoshohas di negeri Jepun.

(b) *Sambutan daripada Negeri Jepun dan Korea Selatan*

- (i) Pihak-pihak yang berkenaan di negeri-negeri Jepun dan Korea Selatan telah menunjukkan minat yang kuat dan kerjasama yang baik untuk menjayakan pelaksanaan dasar ini; banyak firma-firma di negeri Jepun dan Korea bersedia memberikan tempat-tempat latihan "in-plant".
 - (ii) Buat pertama kalinya, pihak Jepun dan Korea Selatan akan membuka pintu kolej-kolej teknikal dan juga universiti-universitinya dengan luasnya untuk menerima pelatih/penuntut-penuntut negara kita.
 - (iii) Beberapa buah firma Jepun bersedia untuk melatih secara amali beberapa orang eksekutif dan pengurus daripada syarikat-syarikat milik Kerajaan kita.
- (b) Berkenaan dengan tender dalam projek-projek pembangunan Kerajaan, ianya dibuat secara tender kompetitif (competitive bidding) dari kalangan firma-firma tempatan dan luar negeri. Pemilihan satu-satu firma dalam tender berkenaan adalah tertakluk kepada kesesuaian sebut harga tender dan keupayaan teknikal yang dikemukakan oleh firma-firma berkenaan. Oleh yang demikian, firma yang dinilai sebagai memenuhi syarat-syarat tender yang menguntungkan negara akan dipilih, tidak kira firma itu dari dalam negeri atau luar negeri.

JUDI—MENGHAPUSKAN KEGIATAN

8. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan kegiatan judi di negara ini terutama Loteri Kebajikan Masyarakat dan Kasino.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Pihak Kerajaan sememangnya "committed" untuk menghapuskan segala bentuk kemaksiatan di negara ini termasuk perjudian. Kajian yang teliti mengenai usul untuk mengharamkan semua jenis perjudian sedang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Langkah-langkah yang diambil, perlu dibuat secara berperingkat-peringkat untuk mencapai maksud ini. Satu langkah permulaan positif ke arah ini adalah pengumuman Y. A. B. Perdana Menteri baru-baru ini bahawa satu kajian akan dibuat untuk melarang umat Islam dari memasuki kasino di Genting Highland. Begitu juga langkah beberapa Kerajaan Negeri mengambil tindakan mengharamkan kelab-kelab perjudian di negeri tersebut.

Langkah-langkah lain yang telah diambil ialah melalui penerangan dan kegiatan dakwah yang dijalankan oleh Kerajaan serta Badan-badan Dakwah. Masyarakat Islam sentiasa diperingatkan untuk mengelakkan diri dari terjerumus ke dalam kegiatan tersebut.

Walau bagaimanapun kajian akan implikasinya juga harus disedari supaya persiapan dan penerangan dapat dilakukan. Dan akhir sekali, prinsip yang diamalkan oleh Kerajaan berhubung dengan undang-undang dan hukum ialah supaya ianya berkesan dan kesedaran di kalangan rakyat mengenai keperluan hukum tersebut.

INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN

9. Tuan Tan Chong Soong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kajian telah diadakan untuk pembangunan industri-industri yang berdasarkan pertanian sebagai suatu hubungan antara sektor pertanian dan sektor perindustrian memandangkan bahawa lingkungan luas boleh wujud untuk pertanian ini yang akan menambah peluang-peluang pekerjaan dan penanaman modal untuk faedah sektor pertanian dan ekonomi negara pada keseluruhannya; Jika ada, bolehkah beliau memberi butir-butir penjelasan dan jika tiada, sama ada beliau bercadang membuat kajian ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Pada dasarnya sememangnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menggalakan industri yang berasaskan pertanian seperti getah, kelapa sawit, nenas dan ternakair. Galakan-galakan yang diberi adalah seperti yang diperuntukan dalam Akta Galakan Pelaburan 1968 (seperti dipinda) iaitu Taraf Perintis, Tempat Kedudukan, Penggunaan Buruh dan sebagainya. Disamping itu terdapat peruntukan dalam Akta tersebut khas untuk projek-projek pertanian seperti penanam pokok buah-buahan dan ternakair yang diharap akan menjalankan kegiatan bersepadu (integrated) iaitu pengeluaran barang-barang mentah dan seterusnya dikilangkan sebelum dipasarkan.

Satu "task force" yang ditubuhkan di Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDA) telah menjalankan beberapa kajian teliti dengan tumpuan utama mengenal pasti sumber-sumber yang sedia ada dan sumber-sumber yang mungkin dapat dikeluarkan termasuk sumber-sumber pertanian.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengubal satu dasar perindustrian "resource based". Kajian-kajian seperti berikut telah disiapkan:

(i) *Kajian Penyiasatan*

- (a) mengetin dan mengawet sayur-sayoran Malaysia tempatan;
- (b) mengilang sos cili daripada cili tempatan;
- (c) pemerosesan kopi;
- (d) mengetin buah-buahan Malaysia;
- (e) tanaman dan pemerosesan "grassmeal/pellets"
- (f) memproses dan memasak kacang goreng;
- (g) mengilang udang air tawar yang dibekukan;
- (h) mengilang rempah-rempah dan "condiments";
- (i) mengilang mentega kacang tanah;
- (j) mengilang kerepek pisang dan ubi;
- (k) mengilang keropok;
- (l) pemasaran barang-barang getah Malaysia di Seberang Laut;
- (m) pengilang "stramit board" daripada jerami padi.

(ii) *Kajian Menyeluruh*

Penanaman buah-buahan dan pemerosesan di Semenanjung Malaysia.

(iii) *Kertas Kedudukan*

- (a) koko dan barang-barang koko;
- (b) kedudukan industri minuman di Semenanjung Malaysia (minuman ringan dan minuman keras);
- (c) industri barang-barang tenusu di Semenanjung Malaysia.

Kajian-kajian yang tersebut di atas meliputi perkara-perkara mengenai pertalian sektor perindustrian dengan sektor pertanian. Usaha ini akan diteruskan memandangkan industri yang berasaskan pertanian merupakan satu-satunya industri yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan.

SISTEM "LIGHT RADIO TRANSIT" BAGI KUALA LUMPUR

10. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah peringkat kemajuan telah dibuat setakat ini dalam sistem Transit Mass bagi Kuala Lumpur dan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan pihak swasta menjalankan sistem itu.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Sistem "Light Rapid Transit" (LRT) telah disyorkan untuk perlaksanaan di Metropolitan Kuala Lumpur dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan telah memanggil satu Kajian Pra-Perlaksanaan di mana cadangan-cadangan telah diterima daripada tujuh buah Syarikat. Setakat ini kerja penilaian terhadap cadangan-cadangan ini sedang disediakan. Berkenaan dengan soalan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan pihak swasta menjalankan sistem ini adalah bergantung kepada beberapa faktor yang perlu dikaji dengan lebih mendalam sebelum sesuatu keputusan dibuat.

KEMUDAHAN KESIHATAN DI LADANG-LADANG

11. Tuan D. P. Vijandaran minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana jika ada, kemudahan-kemudahan berikut dijalankan di

ladang-ladang dengan memberikan maklumat-maklumat berikut:

- (a) perkhidmatan kesihatan luar bandar termasuk Klinik Desa dan Pusat-pusat kesihatan;
- (b) program memperbaiki keadaan kesihatan alam sekitar;
- (c) program "Applied food and Nutrition"; dan
- (d) Perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan gigi.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Kemudahan infrastruktur Kesihatan Luar Bandar iaitu Pusat Kesihatan dan Klinik Kesihatan Luar Bandar telah-pun bertambah bilangannya dengan liputan yang baik pada tahun-tahun yang lepas. Walaupun buat masa sekarang Pusat Kesihatan tidak didirikan dalam kawasan ladang-ladang, terdapat Pusat-pusat Kesihatan, Klinik Desa atau Klinik Bidan di sekitar ladang-ladang.

Dalam kebanyakan kes-kes, terutamanya bagi ladang-ladang kecil, perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak, termasuk pelalian diberikan oleh kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar yang berhampiran. Aturan ini ujud memandangkan bahawa pembantu hospital ladang-ladang lebih menumpukan kepada rawatan perubatan, keadaan alam sekeliling dan kawalan penyakit berjangkit.

- (b) Di bawah Seksyen 168 (i) "Rump Labour Code" pihak pengurusan ladang-ladang adalah bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:
 - (i) kemudahan perumahan yang sesuai dan mencukupi;

- (ii) bekalan air yang sempurna;
- (iii) kemudahan pembuangan sampah sarap dan najis.

Di bawah undang-undang ini juga, pegawai-pegawai Kesihatan Daerah daripada Kementerian Kesihatan membuat pemeriksaan dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak Jabatan Buruh untuk tindakan sewajarnya.

- (c) Bagi Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, buat masa sekarang, keutamaan diberi kepada kawasan-kawasan luar bandar khususnya daerah-daerah yang mempunyai kadar kematian yang tinggi bagi kanak-kanak berumur 1-4 tahun. Keutamaan juga diberikan kepada kampung-kampung yang dinamakan Kategori C di bawah klasifikasi kampung. Rancangan ini belum lagi diperluaskan ke ladang-ladang.
- (d) Penduduk-penduduk di ladang-ladang boleh mendapat rawatan pergigian dari Klinik-klinik Pergigian di Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran. Bagi sekolah-sekolah di ladang-ladang, Perkhidmatan Pergigian diberi melalui Pasukan Pergigian Bergerak dan Klinik Pergigian Bergerak. Pada tahun 1981, 80 buah sekolah-sekolah di ladang-ladang mempunyai 7,354 orang murid-murid telah mendapat faedah dari perkhidmatan pergigian ini.

JALAN RAYA TIMUR-BARAT

12. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam

menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Lebuhraya Timur-Barat yang sedang digunakan sekarang ini membahayakan kepada kenderaan-kenderaan; kalau sedar apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasinya.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, suka saya menerangkan sedikit latar belakang tentang pembinaan jalan raya Timur-Barat. Pembinaan jalan raya ini boleh dianggap luar biasa oleh kerana ia dilakukan secara mendadak. Ia terkecuali daripada terlebih dahulu menyediakan satu rekabentuk jalan yang lengkap bagaimana biasa.

Pada 30hb Oktober, 1969 Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya supaya memulakan Kerja-kerja pembinaan jalan ini serta-merta. Oleh itu bermula pada awal tahun 1970 Jabatan Kerja telah memulakan pembinaan serentak dari Jeli Kelantan dan dari Grik Perak, hanya berdasar kepada kajian garis pusat (center line). Di samping itu Jabatan Kerja Raya juga dikehendaki menyediakan rekabentuk jalan yang disesuaikan dengan keadaan tanah dan gunung-ganang melalui lereng-lereng yang begitu sukar. Walaupun demikian Jabatan Kerja Raya telah berjaya menyediakan rekabentuk dan binaan jalan yang bermutu. Dalam pada itu Jabatan Kerja Raya sentiasa memberi perhatian untuk melakukan perubahan sebahagian rekabentuk dari masa ke semasa bagi menjamin keutuhan jalan itu.

Dalam keadaan yang serba sekar, pembinaan itu telah terlewat disiapkan. Walau bagaimanapun atas keinginan rakyat ianya telah berjaya dibuka pada 1hb Julai, 1982. Pembinaan Lebuhraya Timur-Barat ini masih belum siap sepenuhnya. Ada beberapa bahagian rekabentuk jalan khasnya dalam aspek memperbaiki

mutu dan ketahanan jalan masih dalam pembinaan seperti pembinaan "guardrails" dan "asphaltic concrete pavement".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum Lebuhraya ini dibuka untuk kegunaan awam Kementerian saya terlebih dahulu mengkaji dalam beberapa aspek keselamatan penggunaan dan didapati ianya tidaklah membahayakan kepada kenderaan-kenderaan yang mematuhi syarat-syarat jalan raya. Di samping itu, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengadakan tanda-tanda jalan di sepanjang Lebuhraya itu bagi memberi panduan dan ingatan kepada pengguna-pengguna.

Untuk makluman, mengikut laporan daripada pihak Polis hanya terdapat 9 kes kemalangan jalan raya yang berlaku di sebelah Kelantan setakat ini. Itupun disebabkan oleh kecuaiannya pemandu-pemandu itu sendiri.

Adalah tidak benar bagi mengatakan tidak selamat untuk menggunakan Lebuhraya Timur-Barat oleh kerana masih belum terdapat kes-kes kemalangan yang benar-benar berpunca dari keadaan pembinaan jalan itu. Walaupun baru-baru ini terdapat kejadian tanah runtuh, Kementerian saya telah mengambil tindakan serta-merta untuk memulihkan keadaan dan adalah tidak benar mengikut laporan Akhbar semalam mengatakan bahawa Lebuhraya Timur-Barat telah ditutup. ditutup.

Kementerian saya akan sentiasa memberi perhatian bagi memastikan Lebuhraya ini selamat digunakan dan diharap semua pengguna-pengguna Lebuhraya ini lebih berhati-hati serta bertatertib ketika memandu.

PERMIT KERJA—KELONGGARAN

13. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar sekarang ini negara kekurangan pekerja di semua sektor dan sama ada Kerajaan masih lagi mahu memegang dasar Permit Kerja dan sama ada Kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat Permit Kerja.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Kerajaan memang sedar bahawa Negara kita sedang mengalami kekurangan tenaga kerja di beberapa sektor terutama sekali di sektor-sektor perladangan dan pembinaan. Justru itu, Kerajaan telah bersetuju melonggarkan pemakaian Permit Kerja ke atas pekerja-pekerja tempatan yang memiliki kad-kad pengenalan merah yang ingin bekerja di bidang-bidang pekerjaan yang berkenaan itu. Langkah-langkah telah-pun diambil untuk tujuan ini dan ianya akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi. Kerajaan berharap dengan pelonggaran ini, tekanan kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor perladangan dan pembinaan khususnya dan di sektor-sektor lain amnya akan dapat dikurangkan.

PENDAPATAN KAUM TANI

14. Tuan Tan Chong Soong minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan kaum tani dan peladang memandangkan bahawa kebanyakan dari mereka adalah di dalam kumpulan yang miskin.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Di dalam konteks pembangunan pertanian amnya, Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah

dan akan terus menyumbangkan berbagai fungsi perkhidmatan pertanian selaras dengan dasar Kementerian Pertanian untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan meninggikan pendapatan kaum petani dan nelayan dan juga untuk mengeluarkan seberapa banyak yang boleh bahan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara dan eksport.

Di samping berbagai program/projek pertanian kebangsaan, Kementerian Pertanian melalui satu strategi yang lebih terperinci telah berusaha memberi tumpuan perancangan dan pelaksanaan projek-projek kepada sesuatu kawasan pertanian yang sedia (insitu) dan masih mundur, secara yang disatukan (IADP) dengan menyediakan perkhidmatan sokongan, kemudahan kredit dan infrastruktur yang diperlukan bagi menyediakan segala aktiviti-aktiviti pertanian secara menyeluruh. Ini adalah bertujuan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi petani dan nelayan ke satu tahap yang lebih tinggi daripada yang ada sekarang. Diharapkan dengan siapnya pelaksanaan projek-projek IADP ini nanti pendapatan kaum tani dan nelayan dapat ditingkatkan mengatasi garis kemiskinan.

Strategi pembangunan kawasan ini mementingkan integrasi dan koordinasi berbagai-bagai jabatan dan agensi dengan menyumbangkan dan seterusnya mengukuhkan serta mengemaskan sistem-sistem di dalam perkhidmatan masing-masing seperti pembangunan infrastruktur termasuk pengairan dan perparitan; perkembangan dan penyelidikan pertanian; kredit; kejenteraan ladang; pemasaran; latihan dan lain-lain perkhidmatan.

Setakat ini sebanyak 13 buah Projek IADP telah dan sedang dilaksanakan dan lebih banyak lagi projek-projek baru IADP telah dan akan dikenalpasti di beberapa buah kawasan yang mempunyai potensi pertanian.

TELEFON—PEMBAYARAN BIL

15. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil di atas aduan-aduan orang awam tentang pembayaran bil telefon yang amat tinggi, sungguhpun pihak berkenaan memberi pengakuan untuk menyiasat di atas aduan-aduan ini, namun demikian rungutan orang ramai masih berterusan dan sama ada beliau boleh memberitahu Dewan langkah-langkah yang diambil bagi menghindarkan kejadian serupa ini berlaku, dan nyatakan tindakan yang diambil ke atas kakitangan yang didapati terlibat dalam kejadian serupa ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa memang saya sedar tentang adanya aduan-aduan pembayaran bil telefon yang tinggi yang diterima dari pelanggan-pelanggan.

Sebenarnya dari jumlah 550,000 bil telefon yang dikeluarkan setiap bulan, hanya di antara 1,600 hingga 1,800 pelanggan iaitu 0.3% yang mengadu tentang ketidakpuasan panggilan bermeter yang dikenakan ke atas mereka. Daripada jumlah aduan ini hanya 0.03% sahaja yang merupakan aduan berasas berkenaan pembayaran bil telefon yang amat tinggi.

Saya memandang berat terhadap segala rungutan mengenai perkhidmatan telefon yang diterima dari pelanggan. Dalam menghadapi rungutan bacaan meter ini, Jabatan

Telekom telah dan akan meneliti tiap-tiap aduan yang diterimanya. Siasatan dan penyelidikan yang rapi di jalankan ke atas semua peralatan dan talian Pelanggan di Ibusawat. Penyiasatan ini memakan masa yang agak panjang dan sekiranya penyiasatan berkenaan menunjukkan bukti-bukti yang tepat sebagaimana yang diadukan, barulah penyelarasan kredit diberikan kepada pelanggan. Sekiranya aduan tersebut didapati tidak benar, maka bayaran kepada pelanggan akan dikekalkan dan pihak Jabatan Telekom akan memberikan satu kenyataan bertulis kepada pelanggan menyatakan kedudukan sebenar dari siasatan yang dijalankan.

Dalam hal ini, suka saya memaklumkan tuntutan bayaran penggunaan telefon sebenarnya tidak boleh dibandingkan dengan tuntutan bayaran penggunaan kemudahan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti air dan elektrik di mana biasanya jumlahnya adalah statik, yang tidak banyak berubah dari sebulan ke sebulan yang lain. Tuntutan bayaran panggilan perkhidmatan telefon sebaliknya tidak mungkin sama pada setiap-tiap bulan. Ianya mungkin turun-naik bergantung kepada penggunaan seseorang pelanggan.

Salah satu punca utama timbulnya rungutan terhadap tuntutan panggilan bermeter ini adalah kerana mungkin pelanggan dan orang ramai masih belum betul-betul memahami cara panggilan bermeter dikenakan. Ramai lagi yang masih berpendapat bahawa Jabatan Telekom mengenakan bayaran panggilan bermeter berdasarkan kepada jumlah panggilan yang dibuat dan tidak mungkin dikenakan tuntutan jika jumlahnya adalah tidak melebihi 100 kali panggilan. Ini adalah satu anggapan yang salah. Sebenarnya, Jabatan Telekom mengira tuntutan panggilan bermeter berdasarkan kepada jumlah unit yang digunakan. Bagi panggilan tempatan, satu panggilan dikira

sebagai satu unit tetapi bagi panggilan jauh, jumlah unit yang digunakan akan bergantung kepada jarak jauh dan jangkamasa panggilan itu dibuat.

Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Telekom mempunyai rancangan untuk memperkenalkan pendidikan pelanggan kepada pelanggan-pelanggan telefon melalui berbagai alat mass media yang terdapat di negara ini. Dalam rancangan ini, pelanggan-pelanggan akan diberi penerangan yang lebih lanjut mengenai penggunaan telefon melalui "brochures", risalah dan sebagainya.

Selain daripada ini, beberapa langkah telah dan sentiasa diambil bagi menghindarkan kejadian bacaan meter berlebihan. Antaranya, bilik meter sentiasa dikawal rapi dan hanya Pegawai yang berkenaan dibenarkan masuk ke bilik tersebut. Di samping itu keadaan dan perjalanan meter sentiasa diawasi supaya ia berada di dalam keadaan yang memuaskan.

Sehingga kini, cuma terdapat satu kes sahaja yang didapati bahawa ketinggian bacaan meter adalah disebabkan oleh kesilapan anggota Telekom dan bagi anggota berkenaan, tindakan tatatertib telah diambil ke atasnya. Bagi aduan-aduan lain, adalah sukar bagi Jabatan Telekom untuk menyatakan sama ada kesilapan itu berpunca dari teknikal atau kesilapan kakitangan.

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

16. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah peruntukan-peruntukan di dalam Pelan Induk Kuala Lumpur bagi pertumbuhan di kawasan-kawasan bukan Melayu oleh kerana tujuan Dasar Ekonomi Baru seperti yang telah diumumkan adalah untuk membahagikan semula hasil ekonomi melalui pertumbuhan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Strategi pembangunan dan dasar-dasar di dalam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur sememangnya ialah berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru. Penggubalan Strategi dan dasar adalah berlandaskan kepada premis bahawa pertumbuhan ekonomi akan berterusan dan digalakkan. Dengan itu adalah menjadi tujuan dan hasrat Draf Pelan Struktur supaya semua kawasan di dalam Wilayah Persekutuan dimajukan dan mendapat manfaat dari pembangunan-pembangunan yang dijalankan. Pengenalan pasti dan cadangan kawasan-kawasan pertumbuhan baru dan hierarki pusat-pusat bandar adalah bertujuan untuk menentukan supaya bandaraya ini akan bergerak dengan lebih berfungsi dan efisien serta mengelakkan pertumbuhan yang berselerak mengikut trend yang terdapat sekarang.

PETRONAS—KEUNTUNGAN DIPEROLEHI

17. Dato' Yap Peng minta Perdana Menteri menyatakan jumlah keuntungan yang telah diperolehi oleh PETRONAS bagi tiap-tiap tahun sejak ianya ditubuhkan.

Perdana Menteri: Keuntungan bersih selepas cukai yang diperolehi oleh PETRONAS bagi tahun-tahun yang berikut adalah:

<i>Tahun</i>	<i>Keuntungan</i>
1976	250.7 Juta Ringgit
1977	662.6 Juta Ringgit
1978	674.7 Juta Ringgit
1979	761.4 Juta Ringgit
1980	2,203.7 Juta Ringgit
1981	2,318.2 Juta Ringgit
1982	2,336.1 Juta Ringgit

BANTUAN KETENTERAAN DARI NEGARA LUAR

18. Dato' Haji Mohd Nor Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan sumbangan tenaga tentera yang bagaimana telah diterima dari kuasa-kuasa besar, terutamanya dari Amerika Syarikat, dan nyatakan nilai yang telah diterima bagi 10 tahun yang lalu.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kerajaan Malaysia ada menerima bantuan ketenteraan dari negara-negara luar dalam bentuk kemudahan-kemudahan latihan dan kemudahan-kemudahan kredit untuk membeli peralatan tentera.

Bantuan ini diperolehi dari beberapa buah negara asing seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan New Zealand melalui beberapa bentuk bantuan. Umpamanya melalui program IMET (International Military Education Training) dari Amerika Syarikat, Malaysia telah mendapat kemudahan-kemudahan latihan dan melalui skim FMS (Foreign Military Sale), Malaysia telah mendapat kemudahan kredit untuk membeli senjata dan peralatan tentera. Dari Britain pula melalui skim UKTMAS (United Kingdom Military Training Aid Scheme) Malaysia telah memperolehi bantuan latihan. Di samping itu Malaysia juga telah memperolehi bantuan yang serupa dari Australia di bawah Skim DCP (Defence Cooperation Plan) dan New Zealand di bawah Skim MAP (Mutual Aid Programme). Nilai sebenar bantuan latihan dari negara-negara luar ini tidak dapat ditentukan kerana pihak berkenaan tidak memberikan jumlah kosnya. Kementerian Pertahanan hanya dapat mengumpulkan data-data berupa bantuan kredit sahaja.

Bagi tempoh 10 tahun yang lalu (Tahun 1972-1981) Malaysia telah mendapat kemudahan kredit melalui FMS (Foreign Military Sale) berjumlah US\$136 juta dan pada tahun 1982 bantuan kredit sejumlah US\$10 juta telah diperolehi. Kedudukan adalah seperti berikut—

Tahun	US\$(JUTA)
1972 ..	8.55
1973 ..	10.0
1974 ..	18.75
1975 ..	4.7
1976 ..	17.0
1977 ..	36.0
1978 ..	16.5
1979 ..	7.5
1980 ..	7.0
1981 ..	10.0
	136.00

Kemudahan kredit FMS ini adalah untuk pembelian senjata dan peralatan-peralatan tentera dari Amerika Syarikat. Manakala melalui DCP (Defence Cooperation Plan) Australia, Malaysia mendapat kemudahan Latihan dan kredit seperti berikut:

Tahun	A\$(JUTA)
1982	4.0
1983	4.6

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Disember, 1982).

4.10 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyambung perbahasan berkenaan dengan Akta Perbekalan 1983 yang diberi peluang kepada saya untuk membahasnya dan terhenti semalam kerana cukup masa. Pada hari ini saya menyambung balik ucapan saya dalam membahaskan Akta ini.

Saya berbalik kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, iaitu B. 62, peruntukannya sebanyak \$28,742,300. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerjaraya dengan sebab usahanya itu maka banyakkah jalan-jalan yang telah dibuat di seluruh negara, jambatan-jambatan dan sebagainya menjadi satu pertolongan kepada rakyat di negara kita ini berjalan di seluruh negara dengan mudah dan lancar, maka ini adalah satu kemudahan yang patut diucapkan terima kasih oleh tiap-tiap rakyat kepada Jabatan Kerjaraya. Tetapi apa yang mendukacitakan dalam perkara yang begitu baik yang dibuat oleh Jabatan Kerjaraya ada perkara-perkara yang tidak baik pula timbul, iaitu nampaknya kecehan pihak Kerjaraya dalam beberapa perkara. Seumpamanya perkara yang sangat dikesalkan iaitu jalan-jalan yang dibuat itu ada yang rosak ataupun yang punah sebelum daripada sampai masanya, misalnya jalan Lebuhraya Timur-Barat yang baru dibuka pada tahun ini. Kita dengar pengumuman yang dibuat tanah runtuh berlaku di jalan ini yang tertutup kepada lalulintas, jadi ini satu perkara yang agak ganjil. Macam mana lebuhraya yang baru siap yang memakan belanja hampir beribu juta ringgit itu tiba-tiba tanah runtuh berlaku di tengah jalan, lebih-lebih lagi lebuhraya ini adalah satu lebuhraya yang merbahaya yang menghubungkan Timur-Barat, di

tengah-tengah itu adalah tersembunyi pengganas-pengganas komunis. Apa jadinya kepada orang-orang yang lalu di situ kalau sekiranya tanah runtuh itu menyekat di depannya, dia tak boleh teruskan perjalanannya, kemudian menyekat pula di sebelah belakangnya, dia tidak boleh mematah balik tidakkah dia akan tersua dengan komunis-komunis yang ada di dalam hutan itu? Apa akan jadi dan tanggungjawab siapa ini? Ini yang saya kata satu perkara yang mendukacitakan.

Saya tidak tahulah kejadian-kejadian yang macam ini bukan sekali ini berlaku, banyak berlaku. Misalnya lebuhraya di antara Kuala Lumpur ke Negeri Pahang kita tengok di kiri kanan bukit-bukit yang dipotong itu ada bukit yang keras, ada yang lembut yang tanah-tanahnya itu masih lagi tanah liat ataupun selut, maka tanah-tanah ini dibiarkan begitu sahaja kalau sekiranya orang-orang yang melihatnya, bukan engineer sekalipun, walaupun budak-budak sekolah, dia boleh mengukur hanyalah menunggu masa sahaja tanah itu akan runtuh dan telah berlaku acap kali runtuh tanah-tanah itu. Apakala runtuh, pihak kerjaraya mengisytiharkan yang jalan ini tak boleh dilalui kerana runtuh, itu sahaja. Jadi itulah yang saya muskilkan. Saya tidaklah mustahil kalau sekiranya jambatan itu runtuh dilanda oleh banjir, seumpama Jambatan Temerloh sudah runtuh jambatan lama itu walaupun harganya berjuta-juta ringgit ataupun seumpama jambatan Jertih hapus kerana banjir, terpaksa kena buat jambatan baru, tetapi ini jalan, seumpama jalan Lebuhraya di antara Jerangau dengan Kuantan di Terengganu telah dibuka dengan tidak rasminya kepada lalulintas, tiba-tiba belum dibuka dengan rasmi lagi jalan itu sudah rosak kerana katanya jalan itu dibuat dengan tidak dijangka lori-

lori balak boleh lalu. Macam mana tidak dijangka lori balak boleh lalu pada hal jalan itu dibuat di tengah-tengah hutan, kiri-kanannya semua sekali ada pokok-pokok balak di situ, jadi di tengah-tengah hutan balak itu dibuat jalan tidak dijangka balak boleh lalu (*Ketawa*). Ini jangkakan kerjaraya namanya, Tuan Yang Dipertua. Pada akhirnya berlubang-lubang, terpaksa dibaiki, sampai sekarang ini jalan itu tidak diisytiharkan lagi, tidak dibuka dengan rasminya.

Saya harap pihak Jabatan Kerjaraya pada masa yang akan datang kalau hendak buat jalan-jalan yang seumpama ini janganlah dibiarkan merbahaya-merbahaya yang ada seumpama itu, melainkan hendaklah dimasukkan dalam estimate itu sekali. Misalnya kerana membuat lebuhraya ini memakan belanjanya \$500 juta, maka kerana hendak menghalangkan tanah-tanah runtuh itu, hendak ditaruh tar di kiri-kanan jalan itu memakan belanja berapa juta lagi, \$2 juta-\$3 juta, masukkan sekali dalam estimate itu, jadi \$503 juta, biar Kerajaan keluarkan sekali belanjanya dengan sekali gus, tidak menyusahkan orang ramai dan ini tidak membuangkan masa, pihak Jabatan Kerjaraya pun tak kerja banyak kali, Itulah pandangan saya kepada Jabatan Kerjaraya yang banyak berjasa kepada rakyat ini supaya tidak berulang perkara seumpama itu.

Saya berpaling pula kepada Jabatan Penjara, Tuan Yang di-Pertua, iaitu B. 41, peruntukannya \$55,543,000. Sekarang ini penjara adalah sedang diperbesarkan di seluruh negara kita dan banyak yang telah dibuat baru, satu daripada di negeri Terengganu. Maka saya juga mengucapkan syabas kepada Jabatan Penjara kerana nampaknya pihak Jabatan Penjara

dalam membuat penjara-penjara baru ia menggunakan orang-orang banduan sendiri menyelamatkan banyak belanja, tidaklah diberi kontrak terus kepada kontraktor-kontraktor ataupun pemborong-pemborong swasta 100%.

Tetapi apa yang saya hendak cakap di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan layanan di dalam penjara. Penjara ini ialah tempat orang yang melakukan kesalahan ditempatkan supaya mereka itu menerima azab duduknya dan apakala mereka keluar daripada penjara kelak, mereka itu sesal dan insaf, tidak akan melakukan kesalahan lagi. Tetapi penjara-penjara yang ada pada hari ini saya nampak bukan tempat yang menjadi pesalah-pesalah itu akan sesal tetapi kepada setengah-setengah pesalah masuk penjara pada hari ini macam masuk hotel pula, tempatnya bagus disediakan di dalam penjara itu bermacam-macam.

Saya suka minta izin daripada Tuan Yang Dipertua bacakan satu laporan daripada akhbar ini, seorang pesalah menceritakan hal kebugusan penjara.

“Oleh Jamaluddin Hashim, *Utusan Melayu*, bertarikh 20hb September, 1982. Penghidupan sebagai seorang banduan di dalam sebuah penjara, khususnya Penjara Alor Setar sekarang ini dirasakan lebih terjamin daripada hidup sebagai rakyat biasa yang bebas dalam masyarakat majmuk yang terpaksa menghadapi berbagai dugaan dan cabaran. Seorang banduan di penjara itu yang mengenalkan dirinya sebagai “M” sahaja berkata, ia rela terus kekal di dalam penjara sehingga ke akhir hayatnya sekiranya dibenarkan berbuat demikian. Bagaimanapun, kemungkinan perkara ini tidak akan berlaku kerana hukuman ke atas kesalahan yang

diterimanya ialah 3 tahun penjara dan telah dilaluinya lebih daripada 1 tahun”.

“Di dalam usia lebih kurang 34 tahun apabila dibebaskan nanti dalam tahun 1983 kemungkinan hidupnya begitu gelap kerana terpaksa menghadapi berbagai cabaran hidup, iaitu mendapatkan pekerjaan bagi menyara keperluan dirinya, kata banduan “M” lagi. Sebaliknya semasa di dalam penjara sekarang ini bukan sahaja diberi kerja, makanan dan perubatan tetapi juga mempunyai kebebasan untuk bekerja di luar penjara yang dengan sendirinya dapat **juga melihat dunia sekelilingnya.** Kebersihan di kawasan penjara dan makanan yang disediakan setiap masa di penjara tersebut juga tidak mungkin dapat dinikmati sekiranya di luar penjara tanpa sebarang pekerjaan nanti”.

Panjang lagi, Tuan Yang Dipertua. Jadi seorang banduan yang masuk penjara dia tidak suka keluar, jadi lebih baik dia duduk dalam penjara terus-menerus kerana di dalam penjara ini serba-serbi boleh didapati di situ, makanan bagus, layanan bagus, tempat bermain pun ada dan barangkali dibekalkan dengan TV berwarna untuk menghiburkan. Kalau tidak begitu, dikatakan tidak ada berperni kemanusiaan begitulah senjata orang-orang ini. Kalau tidak cukup, kata tidak ada berperni kemanusiaan. Peri kemanusiaan apa, Tuan Yang Dipertua, kalau sekiranya seorang pencuri dan seorang perompak sudah masuk penjara!

Kalau mengikut hukum agama kita hendaklah dia itu dihukum menurut kesalahannya dengan tidak boleh kasihan belas lagi. Dalam menjalankan hukuman tidak boleh kita kasihan belas supaya hukuman itu menjadi pengajaran kepada pesalah-pesalah itu apakala mereka keluar

kelak. Tetapi di sini tidak, berdasarkan kemanusiaan mereka itu dirai, diberi bermacam-macam kemudahan dan memberi hiburan di dalam penjara. Jadi kalau macam ini gayanya, bukan maknanya menakutkan orang masuk penjara, Tuan Yang Dipertua. Barangkali orang-orang yang biasa masuk penjara selepas keluar dari penjara dia sengaja membuat kerja-kerja yang membolehkan dia masuk penjara balik, seumpamanya dia akan mencuri ayam dan sebagainya. Apakala dia dibawa ke mahkamah Majistret dia mengaku pencuri kerana dia sudah tahu kesalahan mencuri ini tidak ada denda, melainkan masuk penjara. Maka Majistret akan hantar dia ke penjara dan selamatlah dia duduk dalam penjara. Apakala keluar, curi pula itik sekali lagi. Itulah gayanya, Tuan Yang Dipertua.

Saya fikir perkara yang macam ini patut dikaji balik, tidak boleh dibuat begini penjara tetap penjara. Jadi kemudahan-kemudahan yang seumpama ini tidak patut diadakan di dalam penjara, biarlah kita ada sebagai penjara yang menjadi tempat pengajaran kepada pesalah-pesalah itu yang boleh menjadikan mereka itu kesal di atas kesalahannya dan menjadi satu pengajaran yang pedih ke atas mereka. Bukannya sebagaimana kata banduan "M" ini dia suka hidup dalam penjara sampai habis umurnya.

Beralih pula kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, Maksud B. 57 yang peruntukannya sebanyak \$9,464,808.

Menurut Menteri Pengangkutan iaitu Yang Berhormat Dato' Lee San Choon kemalangan, dalam 7 tahun yang pertama tahun ini ialah 38,938 kemalangan iaitu 1,642 mati; 3,117 cedera parah; 7,544 cedera ringan. Puratanya 160 kemalangan tiap-tiap

hari dari dan di antara 7 orang terbunuh tiap-tiap hari. Jadi kalau kita tengok di sini alangkah banyaknya kemalangan jalanraya di negara kita iaitu sebuah negara kecil macam Malaysia ini bolehkah jadi tiap-tiap hari, kemalangan sahaja ialah 160 kemalangan sehari; 7 orang mati sehari, ini apa halnya. Jadi perkara ini wajiblah bagi Kementerian ini memikirkan bagaimana cara-cara hendak mengelakkan kemalangan ini. Tidak patut dengan jalan menyebutkan angka ini sahaja, cari jalan kerana banyak negeri-negeri di dalam dunia ini mengetatkan perjalanan seumpama di Mekah misalnya, Tuan Yang Dipertua, pembawa-pembawa teksi bercermat walaupun mereka itu laju kerana mereka itu tahu kalau sekiranya mereka langgar orang—mati, maka drebar itu juga kena hukuman mati, memang dihukum begitu. Siapa yang melanggar orang sampai mati maka drebar itu juga dihukum mati. Maka drebar-drebar di sana bercermat di jalan raya kerana takut mati. Kita di sini, masya Allah! drebar-drebar itu potong-memotong, kadang-kadang kita merasa ngeri sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar. Kederasan lori-lori yang ditulis di situ tidak lebih daripada 40 batu sejam ataupun 60 kilometer sejam—itu tulis sahaja di situ, tetapi lori-lori ini akan potong motokar kita yang berjalan lebih laju itu. Jadi tulis lain, buat lain, saya tidak tahulah. Tetapi apakala dia ditangkap oleh pihak Polis, dibawa ke mahkamah barangkali hukuman atas kesalahannya tidaklah seberat sebagaimana yang dilakukan. Ini menyebabkan drebar-drebar ini tidak takut kepada undang-undang lalulintas.

Kadang-kadang lesen memandu ini terlampau senang diberi hinggan kepada orang yang tidak berapa pandai pun tidak apa asalkan dia boleh

bawa motokar. Banyak di Pantai Timur motokar-motokar yang langgar orang hingga mati dan selepas langgar itu dia lari, tidak berjumpa, dia terus lari menyembunyikan diri, kerana dia takut kena hukuman atau sebagainya. Perkara yang seumpama ini tidak patut berlaku, kadang-kadang ramai orang ada di tengah jalan, tidak tahu motokar mana yang langgar. Ini satu hobi barangkali kepada dia. Orang yang dilanggar mati tetapi motokar ataupun lori mana yang tempuh pun kita tidak tahu, sudahlah macam lembu-lembu bergelimpang di tepi jalan.

Jadi kemalangan-kemalangan yang seumpama ini adalah mengaibkan Malaysia, Tuan Yang Dipertua, begitu banyak kemalangan dalam setahun. Jadi saya harap pihak Kementerian ini mencari jalan bekerjasama dengan pihak Kementerian lain supaya boleh kemalangan-kemalangan ini dikurangkan lagi dan perkara-perkara itu dapat diatasi.

Berbalik kepada Orang Asli di bawah Maksud B. 42 peruntukan sebanyak \$20,775,500. Terdapat 170 buah kampung yang tersusun untuk Orang Asli oleh pihak Kerajaan iaitu oleh Jabatan Orang Asli barangkali, sudah dapat disusun 170 buah kampung bagi Orang Asli di seluruh Malaysia. Dalam pada itu juga ada 51,000 lagi Orang-orang Asli ini yang belum disusun kampung halaman mereka, yang sedang dibuat. Apa yang saya hendak cakap di sini ialah berkenaan dengan agama Orang Asli ini. Orang Asli ini tidak ada agama, inilah manusia yang tidak mempunyai agama, sedikit-sedikit sahaja yang menganut agama Islam ataupun agama Kristian ataupun agama lain.

Sekarang ini kononnya mereka ini tidak boleh diajar ataupun tidak boleh

disuruh menganut mana-mana agama kepada mereka kerana dilarang di dalam Perlembagaan kita, katanya. Saya tidak percaya, kerana kalau orang Asli ini tidak boleh diajar agama Islam ianya bercanggah dengan Perlembagaan. Perlembagaan kita mengatakan agama rasmi ialah Agama Islam. Kalau sekiranya agama negara itu agama Islam di dalam Artikel 2 mengatakan agama Islam itu agama negara, maka hendaklah kepada orang yang tidak ada agama itu diperkenalkan agama negara itu kepada mereka. Memperkenalkan agama negara kepada orang yang tidak mempunyai agama tidak salah. Yang salahnya orang yang sudah mempunyai agama kita memperkenalkan agama kita kepada mereka. Macam orang Kristian mereka sudah ada agama Kristian; apa pula kita memperkenalkan agama Islam lagi kepada mereka. Itu yang menjadi salah kerana tiap-tiap seorang itu adalah bebas menganut agama mereka sendiri. Kepada orang-orang Asli ini mereka tidak mempunyai agama sebab itulah pada pendapat saya, Jabatan Agama tiap-tiap negeri yang ada di dalam negeri itu orang-orang Asli hendaklah diajarkan kepada Orang Asli itu agama Islam ia itulah agama negara.

Adalah menjadi kesilapan kalau Jabatan Agama Negeri itu tidak mengambil berat berkenaan dengan Orang Asli. Ini satu dosa yang besar saya fikir membiarkan Orang Asli tanpa agama. Di zaman pemerintahan British yang menjadi penjajah di negara ini dahulu ia memang melepaskan padri-padri mereka masuk ke hutan-hutan memujuk Orang-orang Asli supaya menganut agama Kristian. Ia mengambil kesempatan kerana British itu ialah pemerintah. Dia mendakyah agama pemerintah iaitu agama Kristian menerusi padri-padri. Sebab itu kita

dapati di Sabah, di Sarawak berapa banyak orang Dayak, saudara-saudara kita orang Kadazan yang menganut agama Kristian. Kerana apa? Kerana pemerintah pada masa itu British yang telah menggalakkan padri-padri yang beragama Kristian itu mengajar saudara-saudara kita orang-orang Kadazan, orang-orang Dayak di negeri itu memeluk agama Kristian.

Apakala negara kita sudah mencapai kemerdekaan sekarang ini, British telah pergi, maka kita sendiri yang mentadbirkan negara kita dan sudah tercatat di dalam Perlembagaan mengatakan Islam adalah agama negara, maka tidakkah patut Islam diperkenalkan kepada orang Asli ini yang tidak mempunyai agama. Saya tidak nampak perkara seperti ini dikatakan salah.

Berbalik kepada B. 63—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, \$299,858,000 peruntukannya. Saya suka menyebut berkenaan dengan tanah rizab Melayu. Sekarang ini, di dalam Rancangan Malaysia Keempat banyak bandar-bandar baru dibuka. Itu sebab hutan-hutan di Malaysia ini dibuka, tanah-tanah yang dibuka, umpamanya, kita katakan Terengganu Tengah, dibukakan Johor Tenggara, dibukakan di Pahang. Semua sekali dibuka bandar-bandar baru. Apabila dibuka bandar-bandar baru macam mana pihak yang berkuasa boleh lupa di dalam Perlembagaan kita ada menyebutkan fasal mengatakan tanah rizab Melayu. Boleh tanah yang baru dibuka atau bandar baru ini dijadikan rizab Melayu. Maka kenapakah di dalam bandar-bandar baru ini tidak diletakkan rizab Melayu kerana kita tengok rizab Melayu sangatlah menguntungkan orang Melayu sendiri macam di Kuala Lumpur ini. Dengan adanya rizab Melayu di Kampung Baru itu beberapa banyak

menguntungkan orang Melayu, lebih-lebih lagi dalam bandar-bandar baru ini. Kita bertempok, melaung meratarata tentang pembahagian bandar yang diusahakan oleh UDA, yang diusahakan oleh MARA dan sebagainya. Pembahagian itu tidak betul. Tidak bolehkah beri 30% kepada bumiputera? Orang bumiputera ini bertempok kerana mereka tidak boleh dapat seperti peruntukan yang dibuat. Tetapi Kalau ada rizab Melayu itu di situ orang Melayu sendiri boleh buat, mereka boleh pinjam daripada bank kerana bank-bank akan beri pinjaman kepada orang-orang Melayu, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Bank Negara, tiap-tiap bank itu mesti beri pinjaman untuk membuat perumahan. Bank-bank Perdagangan mesti beri, sebagaimana yang saya bacakan semalam, kalau tidak, bank-bank perdagangan itu akan kena denda kerana mereka itu cuai menurut kehendak Bank Negara. Pihak UDA juga akan menolong, pihak MARA juga boleh bantu orang Melayu hidup di tanah rizab Melayu tetapi tidak dibuat. Saya pun hairan. Patutlah bumiputera di tiap-tiap negeri itu mendesak kalau ada bandar-bandar baru dibuka mesti ada rizab Melayu di situ. Bukan saya bercakap fasal perkauman, saya cakap perkara yang ada di dalam Perlembagaan negara kita. Janganlah barang yang ada itu kita cuaikan, kita alpakan. Kita fikir perkara ini tidak menjadi apa-apa kepada kita padahal perkara ini sangatlah menguntungkan kita orang Melayu tetapi apabila sampai masanya kelak tidak ada lagi rizab itu kerana apabila Kerajaan memandang orang Melayu boleh berdiri atas kaki sendiri pada masa itu rizab Melayu akan dihapuskan. Semua kaum di dalam Malaysia ini akan dipandang sama rata dan tiada keutamaan akan diberi pada masa itu. Boleh jadi dalam masa tahun 2,000kah ataupun 2,010kah. Pada masa itu sudah sama manusia itu. Tetapi pada masa sekarang ini memang

kecoh lagi orang Melayu masih kecoh dalam pembahagian ekonomi, tidak sama dengan bangsa-bangsa lain. Maka dalam masa tidak sama ini patutlah rizab Melayu ini dituntut oleh orang Melayu sendiri.

Berbalik kepada B. 58, iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya hendak membangkitkan berkenaan dengan kesusahan pihak rakyat hendak membayar bil-bil elektrik. Saya hairan betul-betul, di negeri lain saya tidak tahu, kalau macam di Terengganu kalau hendak membayar bil elektrik cukup susah, kena beratur (queue) dan sebagainya. Ini hendak bayar duit, kena pergi ke Pejabat Elektrik itu beratur, menghabiskan masa. Apa pasal jadi begini? Kita hendak bayar duit, kita kena beratur, kita yang bersusah-payah. Tidak adakah jalan lain hendak bayar bil air, bayar bil elektrik dengan begitu cara. Pejabat ini dia ada adik beradiknya iaitu Pejabat Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Jadi tidak bolehkah dibayar di Pejabat Pos sebagaimana dahulu. Kalau hendak bayar bil air pergi ke Pejabat Pos, bayar elektrik pergi ke Pejabat Pos, bukankah senang kepada rakyat. Jadi tidaklah payah beratur, tidak payah menunggu begitu lama, pergi tunjuk sahaja bil dia terima. Padahal Pejabat Pos ini banyak perkara-perkara lain yang dia boleh tolong. Seumpama Tabung Haji boleh bayar menerusi Pejabat Pos dan perkara-perkara lain pun diterima oleh Pejabat Pos, Bank National pun boleh di Pejabat Pos dan sebagainya. Mengapa pula bayar bil elektrik ini tidak boleh?. Supaya merayu bayaran-bayaran ini diterima di Pejabat Pos, Tuan Yang Dipertua.

Satu lagi berkenaan dengan Maksud B. 21—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ini saya membaca berkenaan dengan kertas. Saya hairan

betul kertas di dalam negara Malaysia ini tidak cukup 10% sahaja yang dibuat di dalam Malaysia, 90% diimport dari luar. Jadi kertas ini selalu naik harganya. Maka perkara semacam ini tidak boleh jadi dengan sebab di negara kita banyak mempunyai bahan-bahan yang boleh dibuat kertas, lebih-lebih lagi reja-reja kayu balak ini. Kayu balak ini terlampau banyak yang dibazirkan.

Menurut bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama dulu iaitu Tuan Abdul Rahim Datuk Thamby Chik, katanya pada tahun 1978 lebih 2.8 juta tan kayu balak terbiar begitu sahaja di dalam hutan. Pada penyiastannya balak-balak yang sudah dipotong tetapi sukar dibawa keluar dibiarkan reput begitu sahaja. Tambahnya lagi pembaziran kayu-kayu di hutan ialah 30%, di kilang 40% dan apa yang diusahakan hingga menjadi hasil seperti papan dan sebagainya hanyalah 30%. Jadi 30% sahaja hasil yang digunakan seperti papan, tiang dan sebagainya. Yang baki lagi 70% itu membazir sahaja. Maka kalau sekiranya dibuka kilang kertas di negeri ini bukankah boleh digunakan itu semua, daripada ranting-ranting kayu, reja-reja kayu dan sebagainya, daun-daun kayu sementelah lagi kita berapa banyak ada sekam padi, ada jerami padi dan sebagainya. Kita boleh membuat kilang kertas. Maka terpulanglah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menjemput pelabur-pelabur dari luar. Kita betul berhasrat juga kepada kilang plastik, kilang kasut dan sebagainya tetapi kertas ini satu daripada keperluan negara yang patut diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Patutlah kilang-kilang ini diberi taraf perintis pun tidak apa, beri lima tahun atau sepuluh tahun supaya ada kilang-kilang kertas yang cukup di negara kita ini. Apalah hingga 10% sahaja ada dibuat di dalam Malaysia.

Berhubung dengan kekurangan doktor tadi telah dijawab oleh pihak Kementerian. Jadi, saya suka juga tambah lagi walaupun pihak Kementerian telah menjawab. Doktor-doktor pakar ini memang tidak cukup di negara kita dan Menteri Kesihatan sendiri mengatakan memang tidak cukup. Dan doktor-doktor ini memang mereka itu seperti juga manusia yang lain mengejar di belakang wang. Jikalau sekiranya gajinya kecil, pendapatannya kurang, tentulah dia tidak akan tunggu dalam jawatannya. Kita hendak dapat seseorang doktor pakar itu memang susah kerana gaji yang diberi kepada dia itu tidaklah begitu lumayan. Jadi pada pendapat saya untuk mendapatkan seorang doktor pakar daripada luar negeri, kita berilah gaji yang istimewa, apa salahnya. Kita ikat kontrak dengan dia, kalau dia tidak hendak ikat kontrak, buat sementara kita berikan dia gaji kekal ataupun beri taraf kerakyatan kepada dia. Saya sudah baca dua tiga tahun dahulu mengenai seorang doktor Sudan. Doktor Sudan ini rupa dia macam orang Negro, hitam tetapi dia Islam. Dia belajar di negeri Perancis, dia bijak dalam bidang pembedahan. Maka oleh sebab bijak di dalam pembedahan itu pihak Kementerian Kesihatan Perancis ajak dia kerja di negeri Perancis, beri gaji yang istimewa kepadanya serta tawarkan kerakyatan Perancis kepada dia. Kalau Perancis sebuah negara besar macam itu berani beri kerakyatan kepada orang Sudan kerana dia seorang pakar, maka kepada negara kita ini yang baru merdeka, yang baru hendak membangun ini, apalah salahnya kalau kita beri taraf kerakyatan kepada doktor-doktor pakar ini. Kita juga sekarang ini beri taraf kerakyatan kepada orang-orang daripada luar negeri disebabkan ada pertalian, kerana sebab isteri mereka atau suami mereka daripada luar negeri lalu diberi kerakyatan kepada mereka pada hal orang itu tidak ada

satu kepandaian pun. Kadang-kadang masuk ke sini jadi buruh sahaja, itupun kita berani beri kepada mereka kerakyatan kerana isteri mereka ada dalam Malaysia ataupun emak saudara atau datuk saudara mereka ada di Malaysia itu sahaja pertaliannya. Kita sudah beri berapa banyak orang-orang macam ini kerakyatan. Kita sayangkan hendak beri kepada seorang doktor pakar seperti itu kerakyatan Malaysia ataupun berikan dia gaji yang tetap di dalam perkhidmatan, beri dia gaji yang lumayan. Saya fikir kita tidak jadi rugi.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato' kalau dapat dipendekkan ucapan ini kerana Dato' sudah berucap 1½ jam daripada semalam, jadi banyak Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang lain belum berucap lagi.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Baik, terima kasih.

Satu lagi saya hendak menyentuh, ini cuma sungutan sahaja, Tuan Yang Dipertua. Pada masa saya hendak kemari dulu, saya ada jumpa seorang kawan saya yang menjadi pemeriksa kertas-kertas peperiksaan di Kementerian Pelajaran. Dia bersungut kepada saya, katanya dia ditugaskan menjadi pemeriksa kertas peperiksaan SPM oleh Kementerian Pelajaran. Bayarannya bagi satu kertas itu di antara \$1.00 hingga \$1.30. Tetapi kata dia, apa yang dibayar oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran pula dalam peperiksaan STP ialah \$5.00 satu kertas. Jauh sangat beza itu, macam mana kata dia, di antara bayaran yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Jadi, saya pun rasa tidak menasabah juga. Satu mata pelajaran macam Hisab takdirnya, kalau di dalam SPM \$1.50 dibayar tetapi kalau STP, betullah STP itu menengah tetapi

takkanlah pergi sampai \$5.00, sepatutnya kalau hendak dibezakan pun berilah dia \$2.00 atau \$2.50 sen, tak sampai \$5.00. Kalau tidak naiklah hak dia ini daripada \$1.30 menjadi \$2.30 atau \$3.00.

Itu sungutan daripada sahabat saya itu. Ini saya mengemukakan di sini kerana sungutan-sungutan semacam inilah yang akhirnya menjadi besar.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masa tidak diberi lagi kepada saya, jadi saya berhenti setakat ini sahajalah. Minta maaflah banyak-banyak di atas ucapan saya yang begitu panjang tetapi saya fikir ada gunanya apa yang disebutkan itu kerana sebagai seorang Ahli Dewan Negara wajiblah saya menyampaikan di dalam Dewan ini apa yang saya fikir perlu dan mustahak dan saya menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak bercadang hendak menahan Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap dalam Dewan ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita sudah diberi peruntukan membahaskan Rang Undang-undang ini dalam masa lima hari. Kalau saya tidak hendak menyekat sedikit masa Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, saya ingat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tiada peluang hendak berikan ucapan. Itu dasar yang saya jalankan, bukan tujuan saya hendak menahan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap.

Lagi satu saya hendak memberi sedikit peringatan, haraplah dapat ditunjukkan ucapan itu berkenaan dengan Budget. Nampaknya daripada semalam sampai hari ini ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat sudah terkeluar ucapan daripada membahaskan perkara-perkara Budget ini. Ini cuma

pandangan saya yang ikhlas sahaja. Saya harap dapat ditunjukkan ucapan ini dan seberapa ringkas yang boleh.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim.

4.50 ptg.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong atas dasar peruntukan Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia yang mana boleh dianggap perbelanjaan yang berhati-hati dan bercermat.

Tuan Yang Dipertua, sehubungan dengan ini keseluruhan peruntukan perbelanjaan di tiap-tiap Kementerian dan Jabatan pada tahun 1983 adalah berjuta-juta ringgit dikurangkan jika dibandingkan dengan perbelanjaan ditahun 1982, khususnya dengan pengumuman cukai yang dikenakan kepada bahan-bahan tertentu seperti rokok dan lain-lain dan kepada pihak-pihak yang tertentu juga janganlah hendaknya menjadi cukai-cukai yang tertentu itu menimbulkan satu kemarahan rakyat. Kadangkala barang-barang yang tidak ada kena-mengena dengan kenaikan cukai pun terlibat sama.

Tuan Yang Dipertua, saya bandingkan seperti bahan binaan dengan alasan ketiadaan bahan-bahan tersebut tetapi boleh didapati pula dengan harga yang mahal dari biasa. Apakah ini tugas siapakah yang mengawal harga-harga tersebut sedangkan yang menjadi mangsa ialah pemborong-pemborong kecil yang terdiri dari rakyat bumiputera yang mengharap sedikit keuntungan dan bagaimana pula kalau satu-satu projek yang ditugaskan itu dapat dilaksanakan dalam masa yang ditentukan sedangkan bahan-bahan

yang dikehendaki itu sentiasa tergendala dengan tidak cukup itu, ini dan lain-lain lagi. Mungkin ada yang mencari kesempatan dan menanggung di air yang keruh, mungkin juga dapat rahmat kepada setengah-setengah orang apabila diisytiharkan kenaikan cukai oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi yang menjadi mangsa ialah rakyat jelata yang terdiri dari petani-petani, buruh-buruh dan lain-lain lagi. Oleh itu, awasilah perkara ini supaya tidak berlarutan dan walaupun perbelanjaan dikurangkan, saya berharap janganlah pula menjejaskan projek-projek perlu yang memberatkan pembangunan keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana dalam Bil yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini iaitu Kementerian Kesihatan yang memakan belanja \$856,126,000. Dari segi perkhidmatan kesihatan dan perubatan adalah juga tanggungjawab Kementerian yang tersebut untuk meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat. Oleh itu ada beberapa Kementerian yang saya rasa patut diberikan ingatan dan diulangkaji akan rancangan-rancangan seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi.

Tuan Yang Dipertua, kalau dahulu saya menyatakan Terengganu sentiasa kekurangan doktor bahkan dalam soalan saya dipersoalkan tentang kekurangan doktor dan lain-lain yang berkaitan dengan Kementerian ini sebagaimana juga diperkatakan oleh Yang Berhormat saudara yang tadi. Jadi saya ulangi dan memberi fahaman bahawa ketiadaan doktor banyak lagi melibatkan negeri Terengganu di dalam kemunduran dari segi perubatan dan kesihatan.

Misalnya, jikalau diperuntukkan kepada negeri Terengganu 14 doktor yang tiba hanya 4 doktor sahaja, sungguh malang bagi negeri ini

sebagaimana yang selalu diperkatakan di mana-mana juga tidak boleh dinafikan. Begitu juga hospital. Saya dapat jawapan daripada soalan saya berkenaan pembinaan hospital di dua daerah iaitu Hospital Besar untuk negeri Terengganu dan Hospital Daerah untuk Ulu Terengganu, itu pun jawapannya adalah dalam rancangan secara "turnkey". Jadi, walau secara mana sekalipun di Dewan yang mulia ini saya mendesak supaya disegerakan kerana maklum sahaja, kalau saya bawa suatu cerita bagaimana kedudukan hospital di Ulu Terengganu iaitu merupakan sebuah hospital desa yang mempunyai sepatutnya 7 atau 8 katil sahaja tetapi yang ada sekarang hingga kepada 24 buah katil. Ini menunjukkan minat rakyat di luar bandar kepada perkhidmatan perubatan. Jadi, dengan adanya minat yang sebegitu rupa dan kita selalu berkempen supaya orang kampung datang dapatkan rawatan di hospital, apatah lagi mendapat ubat-ubat yang baik tetapi sayangnya dengan keadaan yang begini sebagaimana yang diperkatakan 24 buah katil untuk satu hospital desa, di manakah ada keselesaan untuk para pesakit? Jadi, saya fikir Menteri yang berkenaan tentulah dapat memahami akan penderitaan yang dirasakan oleh rakyat jelata di daerah yang tersebut sedangkan rakyat jelata di daerah tersebut adalah golongan daripada rakyat penyokong Kerajaan Barisan, iaitu parti yang bersimbolkan dacing. Ini untuk makluman jika Yang Berhormat Menteri belum faham atas kedudukan penduduk-penduduk di daerah ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ada mendengar yang peruntukan kepada negeri Terengganu di segi perubatan dan kesihatan dikurangkan sebanyak 13%. Jadi, saya bertanya di Dewan yang mulia ini kekurangan itu adalah melibatkan di tahun 1982 atau untuk tahun 1983? Kenapa begitu rupa dikurangkan sedangkan negeri

Terengganu juga mempunyai hasil sebagaimana hasil-hasil negeri lain. Perkara ini patut dikaji bersama, janganlah diambil kira kerana hasil minyak, sedangkan hasil minyak peratusnya tidak banyak, hanya 5% sahaja dan segi pembahagian, Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri mestilah adil dan saksama seperti seorang bapa yang membahagikan harta bendanya mesti sama kecuali anak itu menolak harta untuk bantuan kepada adik-beradik yang lain.

Juga berkaitan dengan keadaan hospital-hospital ini, saya rasa ada baiknya kalau Menteri patut memberi kursus atau apa cara supaya di antara pesakit dengan para petugas di hospitak-hospital ataupun klinik-klinik dan sebagainya dapat saling hormat-menghormati.

Tuan Yang Dipertua, pesakit tidak patut dibebankan dengan sikap-sikap kasar yang boleh menambahkan kesakitan mereka, kerana adalah amat besar berpengaruh yang mana kesakitan akan hilang dengan adanya sentuhan kemanusiaan yang ditunjukkan oleh para petugas kepada pesakit-pesakit. Jadi, di sini janganlah hendaknya para petugas memandang bulu dari manakah datangnya pesakit itu sama ada di wad kelas satu ataupun kelas tiga. Sebab yang dialami sendiri oleh setengah-setengah orang ramai kelas satu layanannya baik dari jauh disambut dengan muka manis, kalau dipanggil pun dapat layanan istimewa tetapi sayangnya kalau di kelas tiga masya Allah yang kita selalu tengok, selalu saksikan sudahlah keadaan dalam wadnya yang kotor tetapi dengan muka yang masam kadangkala acuh tak acuh ini menyebabkan juga satu faktor yang menakutkan kepada rakyat jelata mendapat rawatan daripada hospital.

Tetapi walau macam manapun kerana kuatnya azam daripada orang-orang kampung berkehendakan juga rawatan daripada hospital-hospital

maka dengan cekal hati mereka pergi juga mendapatkan rawatan dan perubatan.

Begitu juga layanan doktor kepada pesakit-pesakit luar. Kita selalu dapati dan mendengar, ada yang pergi ke hospital sebab tertentu demam. Apa yang ditanya oleh doktor. Apa awak sakit? Kalau dijawabnya demam maka diberinya panadol. Kalau sakit letih-letih diberinya vitamin sahaja dengan tiada pemeriksaan! Inikah keadaannya? Saya rasa daripada gejala-gejala kekurangan doktor inilah yang menyebabkan doktor agaknya rasa jemu hendak melayan pesakit-pesakit dengan begitu baik dan sebagainya. Ini juga satu pertanda yang menunjukkan betapa lemahnya Kementerian ini untuk mengawasi doktor atau membendung doktor dari keluar daripada berkhidmat dengan Kerajaan. Tidak bolehkah dipanjangkan lagi masa perkhidmatan daripada tiga tahun kepada lima tahun supaya rakyat boleh dapat khidmat yang baik sedikit dan tidaklah menjadi mangsa kepada rakyat jelata yang sangat-sangat memerlukan perkhidmatan doktor buat masa ini.

Begitu juga dengan kadar bayaran yang dikenakan. Sebagaimana yang kita ketahui kepada mereka yang berpendapatan rendah ataupun kaum-kaum miskin diisikan borang pengecualian kemudian diserahkan balik kepada yang berkenaan mungkin dapatlah pengecualian itu dengan tidak kena bayaran, tetapi kita harap pengecualian itu biarlah betul-betul diterima oleh rakyat yang tiada kemampuan supaya jangan ada yang mengambil kesempatan pula. Perkara yang seperti inilah juga supaya pihak Kementerian yang berkenaan mengawasi sentiasa supaya hak-hak orang miskin itu tidaklah dirampas.

Tuan Yang Dipertua, pada umumnya di tiap-tiap Kementerian dikurangkan peruntukan perbelanjaan

seperti juga di Kementerian Kebajikan Am. Saya bertanya di Dewan yang mulia ini adakah bererti kekurangan peruntukan Kementerian ini akan melibatkan bantuan kepada orang-orang miskin terjejas, kerana kita dapati ada setengah-setengahnya telah dihentikan bantuan bulanannya dengan alasan tidak ada peruntukan kepada mereka. Sebagaimana juga yang dinyatakan di akhbar-akhbar dan sebagainya bahawa ramai fakir miskin masih menunggu-nunggu bayaran bantuan sedangkan bayaran ditangguhkan kerana langkah berjimat-cermat. Ini juga satu masalah sedangkan kita berbangga negara kita kaya-raya, tidak ada orang yang mati kelaparan tetapi ada mati kerana banyak sangat zat seperti sakit lemah jantung, darah tinggi dan lain-lain. Oleh itu kemiskinan orang-orang yang di luar bandar yang mustahak kepada bantuan kenapa diperhentikan dan kenapa disekat-sekat kadangkala hingga tiga bulan tidak dapat menerima bantuan yang dihadapkan oleh mereka ini?

Tuan Yang Dipertua, bantuan-bantuan orang-orang miskin ini janganlah ditangguhkan, janganlah dihentikan kerna bantuan ini adalah sebagai satu sumber rezeki kepada mereka. Kata orang kalau hendak beri sesuatu biar tak sepenuh pun, biar genting jangan putus.

Begitu juga peruntukan Kementerian Penerangan perbezaannya berjuta-juta ringgit yang mana boleh dibaca dalam senarai Bil-bil yang disertakan, saya pendekkan, tidak payah saya baca, dengan satu persatunya, yang mana kita didapati perbezaan perbelanjaan ini antara tahun 1982 dan 1983. Pada pandangan saya Kementerian ini adalah satu Kementerian yang juga melibatkan beberapa faktor yang bersangkutan dengan orang ramai.

Contohnya yang kita boleh nampak dengan terang ditayangkan TV. Kita berkehendak tayangan gambar tiap-tiap malam minggu, misalnya, gambar yang baru dan sentiasa bertukar, tetapi apa yang terjadi, kadangkala satu filem itu ditayang berulang-ulang kali. Bukan selepas ditayang sekali malam itu, malam ini juga ditayang tetapi dalam sebulan, dua bulan ditayang pula filem yang tersebut. Ini menunjukkan pembayarankah, kewangannya kurangkah ataupun bagaimana?

Bayaran kepada artis-artis juga ada yang mendakwa bayaran-bayaran belum dijelaskan oleh Kementerian ini di suatu masa dahulu, ataupun melambat-lambatkan bayaran. Ini juga menjejaskan kepada Kementerian yang tersebut.

Begitu juga TV sekarang menayangkan filem yang menarik setiap hari Isnin (malam Selasa). Tayangan filem ini dibuat atas tajaan oleh sebuah syarikat kebanyakan filem itu ialah filem Barat. Saya fikir ada baiknya sekali-sekala pihak TV menayangkan filem-filem Melayu atau Indonesia di bawah tajaan syarikat-syarikat tersebut supaya tidaklah ketara kita mengagung-agungkan sangat filem Barat sehingga mengeluarkan beberapa cipta, tarikan, gaya pakaian, pendek kata ramailah orang Malaysia ini terikut-ikut dengan kebudayaan Barat. Ini patut juga dikaji dan patut diteliti satu persatunya.

Kepada Kementerian Penerangan juga saya mengucapkan syabas sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat semalam, berkenaan penyiaran, diadakan ruangan Bimbingan Ugama untuk penuntun dan pendengar TV, tetapi sayangnya masanya begitu singkat. Kalau boleh biar dipanjangkan lagi dan ini harapan saya ada baiknya kalau dibukukan soal—jawab agama itu atau dirakamkan di

dalam majallah keluaran Jabatan seperti Siaran Zaman dan lain-lain lagi dengan mengadakan ruangan agama dari petikan siaran TV atau dengan apa cara juga yang boleh mendatangkan faedah kepada penonton-penonton yang ingin menambahkan lagi ilmu pengetahuan agama. Dengan hal yang demikian, tidaklah, dengan mudah sahaja dilupakan orang.

Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi membawa perhatian peruntukan berkenaan dengan Kementerian Buruh, sedikit sahaja, sebagaimana yang diketahui kepada wanita yang berkahwin yang bertugas dengan Kerajaan, badan-badan berkanun dan lain-lain yang mana kiranya mereka bersalin diberi cuti selama 42 hari kalau tidak salah saya, hanya untuk wanita-wanita yang bersalin sehingga tiga orang anak sahaja. Jadi apalah malangnya, katakan kepada saya. Contohnya bersalin tiga orang tetapi tiap-tiap kali bersalin itu kematian bayi, atau tinggal seorang sahaja, bersalin lagi terpaksa kena potong gaji. Ini tidakkah ada rasa peri kemanusiaan. Kita tahu penduduk Malaysia tidak sampai 20 juta, jadi apa salahnya dibanyakkan sedikit, diberi kelonggaran kepada wanita-wanita yang tersebut yang bersalin sampai anak lima sekurang-kurangnya, kalau sepuluh itu, saya rasa maklumlah, ramai sangat, 'tak terdaya, tetapi biar sampai lima ataupun enam orang, apa salahnya atau sekurang-kurangnya kalau anak itu didapati meninggal semasa kecil boleh dikecualikan lagi. Ini saya fikir tentu sekali wanita-wanita bersetuju bersimpati mesti menyokong penuh apa yang saya perkatakan di Dewan yang mulia ini kerana hasrat wanita untuk kebaikan dan bukan untuk saya, bahkan untuk negara keseluruhannya, sebab penduduk di Malaysia kalau difikirkan, dikira dan dicongak

sebagaimana yang diisytiharkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir boleh memuat sampai 70 ribu, kalau tidak salah saya, begitulah seterusnya pihak Kementerian Buruh patut meneliti semula kajian demi kajian untuk kebaikan wanita, sebab kalau kurang wanitapun boleh dikatakan kesunyian. Juga keistimewaan hak-hak wanita patut dikaji bersama.

Timbalan Yang Dipertua: Betul.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Pada akhirnya, saya pendekkan ucapan saya short-cut sahaja, Tuan yang Dipertua, saya dengar Kementerian Pengangkutan mengatakan MAS akan rugi lagi di tahun 1983. Ini biarlah dia dengan rugi kerana dia hendak berkhidmat terbang ke sana kemari dan hendak menjaga taraf Malaysia juga mempunyai kapalterbang yang boleh terbang di mana angkasa yang dia boleh pergi, yang boleh diterima, tetapi sedikit sahaja yang saya minta untuk negeri Terengganu. Apatah lagi dengan keadaan sekarang, semasa cuaca buruk kalau hendak turun atau hendak mendarat selalu mengalami kecemasan yang pada satu hari sebuah kapalterbang pada pukul 5.30 petang terpaksa berpatah baik ke Kuala Lumpur kerana cuaca sangat buruk dan tidak mempunyai lampu untuk mendapat di Kuala Terengganu. Jadi cara macam mana ini, Tuan Yang Dipertua, patut juga diberi perhatian, gunalah dengan lampu sementara atau sebagainya, takkan tidak boleh diatasi, terutama dalam keadaan musim banjir ini. Terpaksa berlegar-legar di angkasa alhamdulillah akhirnya boleh mendarat, tetapi pada 14-4-1982 yang lalu itu terpaksa berpatah balik ke Kuala Lumpur semasa penerbangan ke Kuala

Terengganu. Kalau ada hal sakit atau apa-apa di negeri Terengganu dengan kemudahan yang begitu menjadi lambat pula bukan menjadi deras, sedangkan negeri Terengganu juga mempunyai hasil tidak boleh dinafikan, bahkan orang lain menamakan Terengganu sebagai Kuwait, tetapi layanan di dalam negeri itu adalah saya rasa jauh daripada yang disangka.

Saya rasa daripada satu masa ke satu masa perhatian mesti setimpal sebagaimana di negeri-negeri lain, janganlah pula kita sentiasa mengindahkan pusat Bandaraya sahaja dengan mempunyai jalan yang berliku-liku, berlekor-lekor, "bersewor-sewor" tetapi ditempat yang lain kita biarkan dengan keadaan begitu sahaja mentang-mentang kita hendak terima kunjungan orang lain, sebagai Ibukota kita indahkan, anak buah kita yang di belakang "bercelabai bela" sesuatu itu biar setimpal. Jadi supaya hasil dalam negeri kita, boleh gunakan dengan saksama.

Satu lagi Kementerian Pertanian. Ahli Yang Berhormat saudara saya kelmarin telah menyebut berkenaan dengan ternakan, MAJUTERNAK, MAJUIKAN dan lain-lain lagi. Di dalam Kementerian Pertanian ini juga saya ingin menambah supaya mengawasi penyeludupan ayam daging dari negara luar iaitu dari Thailand cara berleluasa yang dianggar beribu-ribu ekor diseludup masuk melalui sempadan negeri Kelantan tiap-tiap bulan dengan tiada sekatan atau kawalan. Kalau dahulu kita dapati ternakan lembu kerbau dan sebagainya, kita dapati dari sana juga datangnya penyakit kuku dan penyakit mulut yang merbahaya. Penyakit itu kalau tak salah saya daripada keterangan-keterangan yang berkenaan kalau dimakan oleh manusia

dagingnya dimasak macam manapun kumannya tak mati dan boleh mendatangkan mudarat dan penyakit kepada yang memakannya. Jadi, cara mana, apa yang dibuat, apa kerja orang Kastam, apa kerja dan apa pula tugas Kementerian Pertanian? Dan janganlah pula ayam-ayam ini dicampur-aduk berpenyakit dan sebagainya, lebih-lebih lagi menjejaskan penternak tempatan dengan secara tidak langsung melanda penternak ayam di seluruh negara ini, ekonomi rakyat juga terjejas. Kita harap Kementerian berkenaan mengambil berat bertindak membendungkan perkara ini dan janganlah dibiarkan penternak-penternak besar di negara jiran mengaup keuntungan, yang demikian kepada Kementerian yang berkenaan sama ada Kementerian Pertanian ataupun Menteri Dalam Negeri atau kepada pihak Kastam, hendaklah mengawasi supaya jangan lepas dua tiga ekor ayam ikut belakang maka yang beribu-ribu itu juga terlepas dengan tanda pemeriksaan dan yang menjadi mangsa adalah penternak-penternak kecil.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas di atas dasar kita Pandang ke Timur. Adakah kita dapat kepastian, dengan kita menghantarkan pelatih-pelatih atau para pelajar kita untuk mendapat satu-satu pelajaran atau menerima latihan di segi teknologi di Jepun sana dapatkah pelatih-pelatih memastikan kita yang baik itu 100% boleh mempraktikkan apa yang dipelajari di sana. Saya bimbang sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Yang Amat Mulia Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj, orang Jepun itu sifatnya adalah sebagai kata orang beri satu genggam dia ambil balik dua genggam. Jadi faham-faham sahajalah, tak payah saya beri

mempertahankan diri dalam menempuh gelombang percaturan ekonomi dunia.

Bercakap tentang dasar Kerajaan menggalakkan usaha-usaha eksport melalui penubuhan syarikat-syarikat perdagangan secara besar-besaran di kalangan sektor swasta seperti Sogoshosha Jepun itu memanglah baik, tetapi hendaklah juga diseimbangkan dengan pertumbuhan kegiatan industri-industri kecil di luar-luar bandar, kerana kedua-dua industri ini adalah penting kewujudannya antara satu sama lain. Sebagai kita semua maklum, industri kecil adalah salah satu daripada penyambung yang terbesar kepada kejayaan proses industrialisasi dalam negara yang membangun. Negara-negara perindustrian raksaksa seperti Jepun, England dan Amerika Syarikat masih juga memerlukan kewujudan industri kecil yang efficient dan menguntungkan kerana ini ternyata membolehkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha kita mencontohi ethika kerja negeri Jepun, Kerajaan hendaklah membuka peluang kepada anak-anak muda di luar-luar bandar yang berkelayakan untuk menyertai kursus-kursus pengkhususan dalam satu-satu bidang industri kecil yang berasaskan pertanian, iaitu seperti yang boleh terdapat di Pusat Pertanian dan Industri Kecil, di Kota Ibaraki, Osaka yang dikenal sebagai "Cecoco Small Industrial and Agricultural Centre". Di sinilah pusat segala macam alat dan jentera keperluan industri kecil untuk luar bandar yang boleh dikendalikan oleh baik kalangan wanita mahupun anak-anak muda dengan tidak memerlukan pengalaman yang banyak, seperti membuat minyak kacang, membuat minyak jagung, mentega kacang, membuat lilin, kapur

tulis dan beratus macam lagi jenis industrial kecil yang sesuai diadakan di luar-luar bandar, kerana kita mempunyai bahan mentah yang banyak di kawasan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, penyertaan secara langsung oleh penduduk-penduduk luar bandar amatlah penting. Di Jepun mengeluarkan lebih dari 1.4 juta tan beras setahun dengan batang padi lebih dari 360,000 tan untuk dijadikan arang. Di negara kita batang-batang padi terbuang begitu sahaja, disebabkan kita kekurangan pengetahuan tentang kegunaan batang-batang padi tersebut. Di Ceylon mengeluarkan 20,000 tan setahun arang dari tempurung kelapa yang dieksport ke Jepun, France, Canada, UK dan Amerika Syarikat. Tepung tempurung kelapa digunakan secara meluas sebagai "compound filler" untuk "gum synthetic resin" dan kegunaan-kegunaan lain seumpama itu.

Tuan Yang Dipertua, apa yang saya sebutkan itu adalah sebagai contoh bagi menjelaskan maksud saya tentang industri kecil untuk luar-luar bandar. Saya faham bahawa segalanya itu mestilah terlebih dahulu melalui kajian sebelum kita bertindak melakukannya.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh tentang peruntukan kemudahan Kesihatan, saya senang dan gembira Belanjawan tahun 1983 ini menitikberatkan taraf kesihatan rakyat terutama sekali bagi golongan yang miskin baik di bandar mahupun di luar bandar. Mungkin peruntukan \$189 juta dan juga 45 buah hospital baru yang akan siap seperti yang tercatat dalam naskah Belanjawan 1983 ini termasuklah juga bangunan dispensary. Maksud saya ada termasuk bangunan dispensary di sebuah daerah bernama Sepulut iaitu sebuah perkampungan daerah

Pensiangan yang bersempadan dengan Indonesia. Penduduk Sepulut seramai 2,000 orang itu sekarang ini tidak bimbang tentang bayaran hospital seperti apa yang disebutkan dalam Belanjawan ini, kerana pesakit-pesakit yang datang meminta perkhidmatan rawatan di tempat itu tinggal dibangsal. Perkataan "bangsal" saya tidak tahu sama ada di Semenanjung ini faham, tetapi saya fikir fahamlah kalau saya sebut bangsal ini berding kulit kayu.

Tuan Yang Dipertua, mengenai perkara pesara yang mendapat pengecualian cukai bagi pencen dan ganjaran, sudah seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan. Saya dimaklumkan proses pembayaran pencen kepada mereka mengambil masa setahun menunggunya terutama sekali para pesara dari kaum guru, mungkin juga ada berlaku di Semenanjung. Entah di mana salahnya, mungkin kerana kita baru sahaja memasuki era "cekap, bersih dan amanah" ini. Ada mengatakan terutama guru-guru di Sabah, mereka itu seolah-olah menunggu buah "kayu belian" (iron wood) yang nampak ranum, entah bila akan masak. Buah ini keras macam besi, jangan ditunggu sampai masak—nantinya nahas kita. Tidak pernah masak buah kayu belian ini.

Tuan Yang Dipertua, para pesara yang uzur dan kebetulan mempunyai keluarga yang ramai, setelah sampai hari persaraannya, tidak mempunyai simpanan yang cukup, dan menunggu pembayaran yang begitu lama, terpaksa mereka mencari bantuan cemas di sana sini. Saya tidak berani mengatakan mereka menderita, tetapi saya rasa proses pembayaran pencen ini masih boleh diperbaiki berasaskan kepada tabiran yang cekap.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya duduk, saya suka melaporkan kepada Dewan yang mulia ini. Nampaknya

ada juga di antara rakyat kalangan peniaga yang tidak berhati-perut. Semasa saya masuk di sebuah kedai runcit, kebetulan ada orang yang membeli barang yang termasuk dalam cadangan untuk dinaikkan duti import dan duti eksaisnya. Tuan punya kedai enggan menjualnya kerana ia belum pasti berapa cukai yang dikenakan ke atas barangan tersebut. Saya rasa langkah untuk melindungi rakyat di luar bandar daripada dieksploitasi oleh peniaga-peniaga seperti ini haruslah difikirkan kerana orang-orang kampung sebenarnya tidak faham tentang cara menguatkuasakan sesuatu cukai yang diumumkan di Dewan ini. Mereka fikir apa yang diumumkan hari ini akan terus dikuatkuasakan. Jadi pekedai mengambil kesempatan daripada kejahilan orang-orang kampung.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang hendak bercakap panjang, saya rasa sekianlah pandangan saya dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Jemput Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad.

5.44 ptg.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya berbanyak terima kasih kepada Yang Dipertua yang memberi peluang kepada saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada dua tiga hari lepas.

Tuan Yang Dipertua, Belanjawan untuk tahun 1983 sebagai dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu adalah Belanjawan yang tinggi sekali jika dibandingkan dengan angka-angka tahun lepasan. Dari segi kendalian Belanjawan ini sekali lagi kita memandang ke arah negara-negara maju dan bercita-cita negara-negara itu akan bergerak pesat dalam pertumbuhan ekonomi mereka.

Untuk tahun 1982, kita telah menggunakan angka-angka petunjuk pertumbuhan ekonomi negara-negara itu untuk menjangka pertumbuhan ekonomi negara kita. Negara-negara itu tidak dapat mencapai angka-angka petunjuk masing-masing oleh sebab itulah negara kita telah merosot ke halangan perniagaan antarabangsa.

Untuk tahun 1983 sekali lagi kita menggunakan ramalan angka-angka petunjuk negara maju. Pada pendapat saya janganlah kita menumpu sepenuhnya kepada pemulihan ekonomi Eropah Barat dan negara-negara maju untuk pertumbuhan ekonomi kita kerana negara-negara ini bergantung sebaliknya kepada pertumbuhan ekonomi negara Amerika Syarikat.

Baru-baru ini ekonomi Amerika Syarikat berganjak sedikit daripada stagnation. Laporan Kerajaan meramalkan pertumbuhan remeh ini akan bergerak seterusnya. Tetapi sekarang butir-butir telah dapat diperolehi bahawa kadar faedah dollar menukar balik haluan ke arah mendaki. Kekurangan belanjawan Amerika Syarikat untuk tahun depan, tahun 1983 dijangka meningkat ke tahap yang tinggi sekali iaitu US\$200,000 juta kekurangan. Amerika Syarikat juga telah menutup semua pintu-pintu import untuk melindungi perusahaan mereka daripada tekanan barang-barang pengguna Jepun dan Eropah Barat dan barang-barang mentah daripada negara membangun.

Negara Jepun pula telah merasa tekanan perlindungan perusahaan Amerika Syarikat dan pada masa ini Jepun pun boleh dikatakan sebagai sebuah negara yang "notorious" dengan segala aturan sekatan import.

Di samping itu negara-negara Eropah Barat pula makin susah mendapat pasaran sama ada dirintangi oleh sekatan dan perlindungan perniagaan ataupun tidak kemampuan permintaan dari dalam dan luar negeri maka ekonomi mereka pun menderita juga dengan stagnation.

Dengan hal yang demikian saya takut Belanjawan kita yang tetap akan semestinya dibelanja pada tahun depan bergantung kepada hasil-hasil negara yang kita harap dapat, bukan tetap dapat. Bak kata pepatah, "burung terbang dipipiskan lada". Unsur-unsur hasil negara yang dijangka pada tahun depan boleh ditumpu sepenuhnya kepada pemulihan ekonomi negara-negara Eropah Barat, Amerika Utara, Jepun dan lain-lain negara maju yang pada masa ini pada pendapat saya dijangka amat susah dipulih. Saya berharap hitungan kita tidak menjelma sebagai "angan-angan Mat Jenin".

Saya sangat bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa masanya sudah tiba untuk kita mengambil stok dan mengikat perut kita sekuat-kuatnya di musim kemarau ekonomi negara sekarang.

Jika di masa senang kita mengukur baju di badan sendiri, sekarang tibalah masanya yang kita patut mencergas secara menguruskan badan dan memakai baju yang lama lagi kecil. Bak kata orang tua, bila selimut pendek, janganlah berlunjur.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya mendesak Kerajaan menghalusi semua perbelanjaan sektor awam untuk tahun 1983 supaya bila kita mengira balik perbelanjaan ini dengan pertumbuhan ekonomi pada tahun depan pebelanjaan ini nanti dapat dibereskan tanpa kesempitan rakyat

dan anak cucu kita dengan bebanan kekurangan hasil negara. Peningkatan hutang-hutang negara dan alam bumi, perusahaan dan pertanian menjadi padang jarak padang terkukur.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh sedikit perkara hutang negara. Perkara yang sangat membimbangkan, ialah perbelanjaan Kerajaan yang terlampau banyak, istimewanya di masa suasana ekonomi dunia dan ekonomi negara sedang merosot.

Jika kita perhatikan belanjawan negara semenjak timbulnya suasana kemelesetan ekonomi pada tahun 1980, kita dapati perbelanjaan sektor awam adalah terlalu banyak jika kita bandingkan dengan perbelanjaan sebelumnya.

Jumlah semua perbelanjaan sektor awam iaitu perbelanjaan mengurus dan membangun jika ditolak daripada hasil pendapatan negara menunjukkan kekurangan sebanyak: tahun 1980 kekurangan \$7,000 juta, 1981 kekurangan \$11,000 juta, 1982 kekurangan \$13,000 juta. Cuma dalam tempoh tiga tahun sahaja kekurangan belanjawan terbang melayang ketahap \$31,000 juta.

Belanjawan yang dicadangkan untuk tahun 1983 juga berjumlah kekurangan belanjawan sebanyak \$10,000 juta. Jumlah kekurangan semenjak empat tahun sahaja meningkat sebanyak \$41,000 juta.

Kekurangan belanjawan pada tahun 1980 hingga tahun 1982 adalah dibiayai dengan pinjaman-pinjaman wang dari dalam dan luar negeri dan juga dengan pertumbuhan bekalan wang.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya sebutkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, perkembangan bekalan wang yang pesat adalah faktor-faktor yang mendorong inflasi.

Baru-baru ini saya perhatikan Bank Negara telah mengambil tindakan mengurangkan kadar pertumbuhan bekalan wang. Sebahagian besar menyebabkan kadar inflasi turun dalam tahun ini adalah pada pendapat saya berkaitan dengan tindakan ini. Saya berharap dasar ini diteruskan oleh Bank Negara sehingga ekonomi dunia pulih semula. Tetapi dasar ini mustahil diteruskan jika Kerajaan tidak mengurangkan segala perbelanjaan. Pinjaman-pinjaman Kerajaan dari dalam negeri menindas perkembangan ekonomi di negara kita kerana wang-wang yang diperlukan oleh segala perusahaan-perusahaan tidak mencukupi disebabkan oleh permintaan Kerajaan. Akibat sedutan wang pinjaman Kerajaan dari dalam negeri yang terlalu banyak membekukan segala perusahaan kerana kekurangan bekalan kredit untuk modal pusingan dan modal tetap sektor swasta. Pada tahun lepas hampir \$6,000 juta telah dihisap oleh Kerajaan melalui saluran mudah tunai sektor swasta. Kekurangan kredit ini menyebabkan kemelesetan daya pengeluaran dan mendorong naik kadar faedah bank dan seterusnya menyebabkan banyak perusahaan berada di dalam kedudukan "hidup segan mati tak mahu" ataupun gulung tikar sahajalah.

Pada hujung tahun ini sebagai dinyatakan oleh Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan baki hutang dalam negeri sebelum dibayar adalah sebanyak \$28,000 juta.

Tuan Yang Dipertua, supaya nadi perusahaan dalam negeri bergerak semula, saya berharap Kerajaan tidak meningkat jumlah baki pinjaman dari dalam negeri melebihi \$30,000 juta pada hujung tahun 1983.

\$10,000 juta hutang dari luar negeri telah dipinjam dalam tahun ini untuk membiayai kekurangan belanjawan. Jika hutang negara dalam negeri

dicampur dengan hutang dari luar negeri jumlahnya pada hujung tahun ini adalah sebanyak \$40,000 juta. Jika sekiranya kita tidak dapat berjimat cermat dalam belanjawan pada tahun hadapan mungkin \$10,000 juta lagi akan dipinjam oleh Kerajaan. Dengan ini hutang negara akan meningkat ketahap \$50,000 juta pada hujung tahun 1983.

Mungkin sebahagian besar daripada kekurangan belanjawan tahun 1983 akan dibiayai dengan pinjaman-pinjaman dari luar negeri oleh kerana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menyatakan nisbah dibayar balik hutang luar negeri pada masa ini cuma sedikit sahaja iaitu 4.9% dan negeri kita berada dalam kalangan negara-negara yang boleh di percayai kemampuan menunaikan segala bayar balik pokok dan faedah pinjaman.

Namun begitu, dengan cara bandingan pada cermin mata peminjam-peminjam negara kita dapat menunaikan segala bayaran, saya mohon Kerajaan menghalusi keadaan ini dari segala segi masa hadapan kita. Umpamanya angka-angka eksport kita iaitu faktor asas untuk mengira foreign debt servicing ratio atau nisbah bayar balik hutang luar negeri sentiasa merosot. Pertumbuhan ekonomi yang membantu kemewahan kita untuk bayar balik pinjaman-pinjaman sekarang meluncur turun. Kadar faedah luar negeri turun naik di taraf dua angka. Bayaran pokok dan faedah pinjaman-pinjaman telah meningkat sebanyak 41% dalam belanjawan 1983 dan mengambil tempat kedua besarnya daripada segala perbelanjaan mengurus.

Dasar pinjaman-pinjaman Kerajaan dari luar negeri perlu dikaji semula dari segi nilai eksport kita dan pertumbuhan ekonomi negara kita. Bebanan bayar balik faedah dan pokok hutang negara akan menindas ekonomi kita di masa hadapan dan

mungkin anak cucu kita akan mencela dan menyumpah kita nanti kerana mengadaikan dan menyelewengkan kemakmuran masa hadapan hak mereka oleh generasi sekarang.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan satu prinsip nisbah yang rasional patut diwujudkan oleh Kerajaan dalam hal Belanjawan dan Hutang Negara supaya perbelanjaan sektor awam dan hutang negara dapat dineracakan dengan kedudukan ekonomi negara, iaitu:

- (1) Perbelanjaan Sektor Awam tidak melebihi X% daripada GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar) dan pada tiap-tiap tahun, selagi kemelesetan dunia tidak pulih, X% ini perlu diturunkan.
- (2) Keperluan Pinjaman Sektor Awam tidak melebihi Y% daripada GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar).

Cuma dengan cara ini dapat kita kawal perbelanjaan sektor awam yang di masa ini "besar pasak dari tiang" dan keadaan hutang negara yang mungkin menjelang sebagai "hutang kayu ara".

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyentuh perkara hasil negara kita. Sungguhpun perbelanjaan Kerajaan meningkat terlampau banyak, dari segi hasil pula, nampaknya hasil kita tidak naik setaraf dengan kadar kenaikan perbelanjaan. Di sebaliknya, pada tahun ini, kenaikan hasil telah merosot, daripada 13½% tahun lepas ke 4% sahaja pada tahun ini. Pada tahun 1983, hasil kita akan bertambah daripada tahun ini cuma sebanyak 5%, jika sekiranya negara-negara maju dapat memulihkan kemelesetan ekonomi mereka. Kalau tidak, apa jadi? Wallahua'lam.

Tetapi di masa Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan perkara ini telah pun berlaku, saya petik ucapannya, Tuan Yang Dipertua:

“Semenjak Ucapan Belanjawan saya ke Dewan Rakyat dalam bulan Oktober lalu, berbagai ramalan yang bercanggah telah dibuat mengenai prospek ekonomi antarabangsa. Tetapi ramalan-ramalan OECD yang akhir menunjukkan pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian yang terkemuka akan meningkat pada kira-kira 1½% sahaja tahun hadapan, berbanding dengan 2½% yang telah diramalkan semasa Ucapan Belanjawan itu disampaikan”

Ini, Tuan Yang Dipertua, menunjukkan kemelesetan ekonomi dunia dengan angka-angka yang kita gunakan itu tidak akan tercapai, bermakna hasil-hasil negara yang kita jangka akan dapat pada tahun 1983 pada pendapat saya susah dicapai.

Perkara cukai pendapatan, Tuan Yang Dipertua, sebanyak 92% daripada hasil cukai langsung negara datangnya daripada cukai pendapatan. Kadar kenaikan hasil ini pada tahun ini sebanyak 8% telah jatuh jika dibandingkan dengan kenaikan tahun lepas sebanyak 11%. Pada pendapat saya kadar kenaikan hasil cukai pendapatan pada tahun 1983 akan jatuh lagi oleh sebab kadar cukai yang dikenakan kepada syarikat-syarikat dan individu-individu terlalu menyiksakan. Di samping kadar faedah yang terlalu tinggi yang membebankan hasrat syarikat-syarikat memperkembangkan perniagaan mereka, kadar cukai yang tinggi juga memusnahkan hasrat individu-individu bekerja dengan kuat dan tekun lagi. Jika banyak syarikat-syarikat mengalami kerugian atau kekurangan untung dan individu-individu tidak meningkatkan

pendapatan mereka dengan hasil-hasil kerja yang lebih produktif, disebabkan oleh cukai pendapatan, maka pada hemat saya, struktur cukai pendapatan di negara kita perlu dihalusi dan diperbaiki.

Tuan Yang Dipertua, cukai pendapatan di negara kita wajib dikawal dan diturunkan, jangan ditinggalkan ditahap yang tinggi sekarang, kerana kadar sekarang mencegah rakyat negara kita daripada bekerja dengan kuat lagi dan meniggikan pendapatan mereka. Bak kata pepatah, “Don't kill the goose that lays the golden eggs”.

Tuan Yang Dipertua, hasil bukan cukai yang menampung perbelanjaan sektor awam pada tahun ini adalah penerimaan dividen dari PETRONAS sahaja sebanyak \$1,450 juta. Pada tahun 1983, iaitu tahun depan, penerimaan dividen dari PETRONAS dijangka turun cuma sebanyak \$1,000 juta sahaja. Pada keseluruhannya pendapatan hasil bukan cukai pada tahun hadapan akan merosot 13%.

Tuan Yang Dipertua, nampaknya daripada semua syarikat-syarikat dimiliki oleh Kerajaan, cuma PETRONAS sahajalah yang dapat sedikit sebanyak menolong Belanjawan Negara.

Dasar Kerajaan menubuhkan syarikat-syarikat dimiliki oleh Kerajaan adalah semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Jika tidak kerana untung, mungkin Kerajaan mewujudkan perusahaan-perusahaan ini sebagai badan berkanun yang dimodalkan dengan belanjawan mengurus Kerajaan.

Oleh kerana Kerajaan tidak menerima dividen daripada syarikat-syarikat yang lain, seperti syarikat perkapalan negara, syarikat penerbangan negara dan lain-lain lagi di masa hasil Kerajaan tidak mencukupi, adakah ini bermakna syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan

yang lain daripada PETRONAS mengalami kerugian? Atau adakah syarikat-syarikat ini mewujudkan Kerajaan-kerajaan mereka sendiri (private kingdom) dan cuma mementingkan kedudukan neraca kira-kiranya sahaja tanpa keperluan negara pada keseluruhannya?

Selalunya, Tuan Yang Dipertua, di merata-rata negara, selain daripada negara Jepun dan Korea Selatan, syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan boleh dikatakan menanggung kerugian; jika tindakan tidak diambil secepat-cepatnya bila bayaran sakit sudah timbul.

Tuan Yang Dipertua, dua faktor yang menyebabkan kerugian syarikat-syarikat Kerajaan; satu, harga jualan hasil-hasil syarikat dikawal rapi oleh Kerajaan dan yang keduanya adalah tiada kecekapan atau inefficiency.

Faktor satu tidak mengganggu syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan di negara kita. Oleh itu tinggalah faktor yang kedua iaitu inefficiency—tiada kecekapan.

Tuan Yang Dipertua, jika negara kita bermotto bersih, cekap dan amanah, maka pada hemat saya syarikat-syarikat Kerajaanlah yang perlu membetulkan kedudukan mereka supaya dapat dicontohi oleh sektor swasta.

Semua pegawai-pegawai di syarikat-syarikat Kerajaan daripada pengarah-pengarah hingga ke budak-budak pejabat telah menganggap yang mereka semua pegawai Kerajaan. Oleh kerana tidak boleh ditukar ke pejabat lain seperti pegawai-pegawai JPA, mereka bertenggek di syarikat-syarikat itu seperti punggok merindukan bulan. Sungguh lama kebanyakan mereka bertapa di situ hinggakan krisis yang sebesar tidak nampak, jika nampak tidak dipedulikan.

Saya mendesak Kerajaan mengawal dengan rapi kedudukan semua syarikat-syarikat milik Kerajaan. Menteri-menteri janganlah mendengar apa-apa sahaja yang perlu diperdengarkan oleh syarikat-syarikat ini dan pengarah-pengarah yang dilantik oleh Kerajaan janganlah menziarah tiga bulan sekali sahaja untuk memanas kerusi-kerusi di bilik mesyuarat Lembaga Pengarah sahaja. Belajarlah dengan tekun perniagaan syarikat-syarikat ini dan mengetahuilah apa yang sebenar-benar berlaku dalam syarikat-syarikat ini dan yang penting sekali, ambillah tindakan sebelum luka jadi pekong, pekong jadi barah, barah bawa maut.

Tuan Yang Dipertua, di masa kemelesetan perniagaan, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang tidak berproduktif perlu dikurangkan. Perbelanjaan yang tidak perlu patut dihentikan. Jangan lupa sebagai syarikat sasaran pertama dan sasaran akhir adalah keuntungan dan untung berasal daripada efficiency dan pengurusan yang dinamik lagi berpengetahuan adalah unsur-unsur efficiency.

Tuan Yang Dipertua, jika dianalisis kedudukan syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan, kita dapati syarikat-syarikat ini dibanjiri dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang tidak berproduktif. Inilah sebab yang utama sekali yang menyebabkan syarikat-syarikat ini tidak tumbuh dengan pesatnya. Sebab yang kedua ialah kekurangan pengetahuan dalam hal urusan perniagaan dan sikap yang tidak mendorong inisiatif atau sikap lepas tangan sahaja.

Di samping itu, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat milik Kerajaan dipenuhi dengan ahli-ahli yang tidak berpengalaman prinsip perniagaan, umpamanya pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan ahli-ahli politik yang telah bersara yang tiada exposure

langsung dari sudut perniagaan diberi jawatan pengarah-pengarah di dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan. Jika ada seorang dua daripada mereka ini yang berpengalaman perniagaan ataupun dari ahli professional, maka bilangan kecil ini pula dilonggok dengan terlalu banyak syarikat-syarikat untuk mereka menjadi pengarah atau dengan urusan-urusan lain dari parti politik, dari Kerajaan, dari organisasi-organisasi sivik dan aktiviti-aktiviti perniagaan untuk keperluan peribadi.

Banyak syarikat-syarikat yang diurus seperti saya sebut tadi telah meleset ketahap yang terlalu buruk. Saya bersetuju dengan arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa syarikat-syarikat yang telah terkeluar daripada garisan penyelamatan perlu dibubar serta-merta supaya barah ini tidak akan merebak ke syarikat-syarikat yang lain dalam kumpulan yang sama.

Tetapi, Tuan Yang Dipertua, penyakitnya bukanlah syarikat, bahkan ia bermula dari pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan syarikat itu dan ubatnya adalah sepatutnya disasarkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan syarikat itu. Untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang tenat sekarang, saya mencadangkan:

- (1) Pegawai-pegawai dan kakitangan yang tidak berproduktif dikurangkan serta-merta supaya kos perniagaan dikurangkan.
- (2) Pengarah-pengarah yang kurang berpengalaman dihentikan daripada Lembaga-lembaga Pengarah dan tempat-tempat mereka diisi dengan orang-orang yang muda, berpengalaman dan berprofessional.

(3) Selain daripada pengarah-pengarah eksekutif, pengarah-pengarah lain tidak dibenar bertapa di situ atau di sesuatu Lembaga melebihi daripada dua penggal mengikut undang-undang Syarikat. Satu penggal tiga tahun.

(4) Pengarah-pengarah eksekutif tidak dibenar menjadi pengarah-pengarah syarikat yang lain melainkan maksima dua syarikat sahaja dalam kumpulan syarikat yang ia adalah pengarah eksekutif.

(5) Pengarah-pengarah eksekutif tidak dibenar melabur dalam syarikat-syarikat yang memerlukan daya usaha dan nasihat mereka dan tidak dibenar menerima perlantikan sukarela yang mengambil masanya yang banyak daripada syarikat-syarikat milik Kerajaan.

(6) Pengarah-pengarah eksekutif diperlu menyatakan kedudukan harta-harta dan pelaburan mereka dan kepunyaan keluarga mereka pada tiap-tiap tahun kepada Lembaga Pengarah dan Menteri-menteri yang bertanggungjawab dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin beralih kepada perkara cukai yang tidak dibangkit di dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia.

Tuan Yang Dipertua, untuk menampung perbelanjaan Kerajaan pada tahun depan, banyak kadar-kadar cukai dinaikkan seperti cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai jalan dan lain-lain lagi.

Cukai-cukai yang saya sebut itu semuanya diminta daripada perbelanjaan yang sama ada berkaitan dengan perkara-perkara keperluan hidup ataupun keperluan daya

pengeluaran. Di sebaliknya banyak perbelanjaan yang bukan berkaitan dengan keperluan hidup ataupun keperluan daya pengeluaran nampaknya dilepas atau terlepas daripada kenaikan kadar cukai. Perbelanjaan yang saya maksud di sini adalah perbelanjaan wang untuk berjudi.

Di negara kita banyak tempat-tempat, rumah-rumah dan kemudahan-kemudahan berjudi yang berlesen seperti totalistor, sweepstake, tiga digits, empat digits, sports toto, lotteries dan casinos.

Sungguhpun pemegang-pemegang lesen-lesen judi dikenakan cukai, tetapi kebanyakannya kadar-kadar cukai ini tidak dinaikkan sudah beberapa lama. Di samping itu banyak perbelanjaan wang pertaruhan judi tidak pun dikenakan cukai. Sedikit sebanyak yang dicukai, kadar-kadar cukai ini tidak memadai dan tidak dinaikkan telah beberapa lama.

Oleh sebab permainan judi ini pada pendapat saya bukanlah perkara yang genting untuk sara hidup, saya mendesak Kerajaan mengkaji dan menaikkan semua kadar cukai judi sama ada dari pendapatan syarikat-syarikat dan taukeh-taukeh judi ataupun dari pemain-pemain dan pelanggan-pelanggan yang membelanjakan wang taruhan judi itu.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh perkara faedah pinjaman bank. Satu lagi perkara yang merentang pertumbuhan ekonomi kita adalah disebabkan oleh harga pinjaman atau kadar faedah yang tidak dikawal oleh Kerajaan. Sebelum bulan Oktober, 1978 Bank Negara Malaysia menentukan dari semasa ke semasa kadar faedah minima yang dikenakan oleh bank-bank atas pinjaman-pinjaman mereka secara ukuran daripada kadar utama dan

kadar terpilih atau dalam bahasa Inggeris "prime rate" dan "preferential rate". Selepas Oktober, 1978 dasar penentuan kadar faedah bank telah diubahsuai secara memberi kuatkuasa terus kepada bank-bank untuk menentukan kadar faedah yang patut mereka kenakan kepada peminjam-peminjam. Dari tarikh itu sehingga sekarang kadar faedah pinjaman kepada sektor swasta terus meningkat daripada 8½% ke tahap yang boleh membeku segala daya pengeluaran iaitu sebanyak 15%, boleh dikatakan dua kali ganda hanya dalam tempoh 4 tahun sahaja. Di masa itu objektif Kerajaan memberi kuatkuasa penentuan kadar faedah kepada bank-bank adalah atas matlamat perkembangan persaingan yang lebih pesat dalam perusahaan bank untuk kepentingan penabung-penabung dan peminjam-peminjam, juga Kerajaan menjaminkan—Kerajaan menjaminkan bahawa Bank Negara akan terus mengawal kesan-kesan yang tidak diingini berbangkit daripada keputusan itu.

Tuan Yang Dipertua, kesan-kesan yang tidak diingini atau yang buruk telah pun lama timbul dari dasar ini, kadar terpilih (preferential rate) sungguhpun sekarang sebanyak 7% untuk kadar faedah yang dikenakan hanya kepada peminjam-peminjam untuk Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, saya tidak pasti kadar ini dapat diperolehi oleh badan-badan itu. Kadar utama (prime rate) yang sekarang sebanyak 7½ yang diisytiharkan oleh Bank Negara secara langsung cuma dibuta-tuli oleh bank-bank.

Saya ingin bertanya, Tuan Yang Dipertua, apakah gunanya angka-angka prime rate dan preferential rate yang ada sekarang ini? Saya ingin mendapat sedikit-sebanyak penjelasan dari Yang Berhormat Mulia Menteri.

Tuan Yang Dipertua, beberapa tahun dahulu terlampau banyak wang hangat (hot money) meninjau negara kita dan negara seberang. Bila negara seberang memancing wang hangat ini dengan kadar terapung yang tinggi dan berhasil, kita pun sebagai pak turut apungkan tinggi kadar faedah di negara kita. Tetapi nasib kita terenang-renang tak hanyut, terapung-terapung tak timbul, namun begitu saya merasa bangga yang wang hangat itu tidak makan umpan kita, kalau berhasil kucar-kacirlah kewangan negara kita disebabkan oleh wang hangat yang tidak tentu arah perjalanannya dan yang tidak masuk ke tabung pelaburan untuk pertumbuhan daya perusahaan.

Sekarang, Tuan Yang Dipertua, wang hangat telah pun mengalir balik ke Amerika Syarikat dan negara seberang telah pun menurunkan kadar faedah awal tahun ini. Bank-bank kita masih lagi tercungap-unggap seperti ikan dalam belat. Suara Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dihari Ucapan Belanjawan baru-baru ini meminta bank-bank menurunkan kadar faedah pinjaman masih berdesing di telinga saya tetapi nampaknya teriak Yang Berhormat Mulia itu dianggap "a cry in Wilderness" kepada bank-bank yang masih mengenakan kadar 15% kepada peminjam-peminjam.

Sebagai bandingan, Tuan Yang Dipertua, dalam tahun ini sahaja kadar faedah pinjaman di negara-negara lain telah pun diturunkan:

<i>Negara</i>	<i>Kadar faedah- (dahulu)</i>	<i>Kadar Faedah (Sekarang)</i>
Amerika Syarikat	17%	11%
Britain	17%	9%
Jerman	13%	9%
Jepun	7%	6%

Semua diturunkan. Bermacam-macam alasan boleh diberi atas keenganan penurunan kadar faedah pinjaman, terutama sekali kemelesetan ekonomi dunia sebagai alasan muktamad yang sentiasa disebut sebagai alasan penghabisan oleh bank-bank di negara kita. Jika begitu, Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya mengapakah dan bagaimanakah ditempo "world recession" ini negara Jepun tidak menaikkan kadar faedah pinjaman lebih daripada 7% sahaja?

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Pehimpunan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah mengecam kadar faedah yang melambung yang merosotkan ekonomi sedunia. Detik-detik sejarah seperti kata-kata emas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu janganlah diabaikan-abaikan. Mungkin negara kita disenda nanti dengan "Kata dulang paku serpih". Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya mendesak Kerajaan mengkaji balik sehalus-halusnya dasar menentukan kadar faedah pinjaman-pinjaman bank-bank dan bertindak secepat mungkin menurunkan kadar faedahnya jika kita berharapkan sektor swasta memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan semua alat jentera pengeluaran hasil dan pertumbuhan ekonomi kita di masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan komputer. Saya amatlah gembira dengan tidakan Kerajaan memasukkan cukai import ke atas komputer. Dalam Ucapan Belanjawan tahun lepas, saya mendesak Kerajaan memasukkan duti ini, sekarang izinkan saya mengucapkan, alhamdulillah, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri.

Tuan Yang Dipertua, dalam persaingan meningkatkan taraf hidup rakyat, semua negara memerlukan alat perkakas yang lebih cekap untuk mencapai kemenangan dalam peperangan membasmi kemiskinan dan meningkatkan kemewahan negara. Di tingkat pertanian, jangan kita pakai cangkul, jika mereka pakai jentera traktor. Di tingkat perusahaan, jangan kita pakai pahat dan tukul, jika mereka menggunakan robot dan alat automasi. Di tingkat perkhidmatan tak patut kita guna congak dan jari sepuluh, jika lawan kita mengguna komputer hardware dan software.

Untuk mencapai kepandaian dan kemahiran rakyat kita, saya mendesak Kerajaan mengguna dan mengasuh penggunaan komputer di semua lapisan rakyat. Saya mencadang Kerajaan mewujudkan satu badan Institut Komputer Nasional untuk mengendalikannya semua dasar pencapaian penggunaan komputer serta penguasaan dan kemahiran dalam lulusan perkhidmatan komputer.

Badan ini hendaklah melancar dan mengembangkan kegunaan komputer di semua jabatan awam, menentukan dan menyelenggarakan taraf standard latihan komputer dan penggunaan pusat perkhidmatan komputer atau "computer software centre".

Kekurangan pekerja-pekerja mahir untuk komputer perlu ditampung secepat mungkin dengan penubuhan institut itu yang dinaung oleh Kerajaan, universiti-universiti dan institut-institut pelajaran tinggi. Badan ini juga perlu dianggotai oleh pengajar-pengajar yang dibantu oleh Kerajaan negara-negara maju seperti dari Kanada, Eropah dan Jepun. Di samping itu, semua universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi digesa mengadakan

fakulti komputer sains supaya pelajar-pelajar boleh mendapat kelulusan ini dan akan berkecukupan menjadi sistem analysts dan pengurusan sistem komputer. Demikian juga di sekolah tingkatan menengah, mata pelajaran komputer sains perlu diwujudkan untuk kelulusan Tingkatan 5 dan 6, supaya mereka menjadi sumber-sumber sebagai programmers dan mereka juga layak mendapat kelulusan Diploma di Institut Komputer Nasional, dengan peperiksaan yang ditentukan oleh institut itu.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh perkara yang dekat sekali dengan hati saya, perkara cukai pendapatan. Tajuk ini bukanlah kali pertama yang saya sebut di Dewan yang mulia ini, tetapi sehingga ada kesan-kesan Kerajaan mengambil tindakan positif, saya terus akan mengungkit perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memungut cukai yang terlalu banyak daripada kemakmuran yang diperhasilkan oleh sektor swasta dan individu-individu. Kadar cukai pendapatan yang ada sekarang adalah tidak menasabah tingginya. Kadar ini mencengkam di paras pendapatan yang terlalu rendah. Bebanan cukai yang menindas membawa perasaan hampa dan hilang insentif kepada rakyat yang tidak malas, yang suka bekerja kuat. Jika kita perlu meningkatkan pertumbuhan ekonomi kita, terutama sekali dari pertumbuhan sektor perindustrian (industrialisation) Kerajaan mesti menurunkan kadar cukai pendapatan yang tinggi sekarang. Dengan ini, saya percaya ekonomi swasta tentu bergerak tumbuh dengan pesatnya.

Kadar cukai yang tinggi pada masa ini membasmi kemampuan menabong dan melabur, mendenda orang-orang yang kuat bekerja dan mengeciwakan

usaha inisiatif dan tanggungjawab. Sungguhpun, pada mata kasar, kadar cukai pendapatan tidak berubah, tidak naik semenjak beberapa tahun, dalam harga kasar atau in real terms, kadar cukai meningkat pada tiap-tiap tahun disebabkan oleh peningkatan kadar inflasi tahunan.

Dalam hal cukai syarikat, Tuan Yang Dipertua, sebagai bandingan saya ingin menyatakan cukai syarikat di negara-negara ASEAN adalah:

Di Indonesia:

Cuma 20% setakat keuntungan sebanyak \$86,000.

Cuma 30% setakat keuntungan sebanyak \$172,000.

Dan 45% selain daripada itu.

Di Filipina:

Cuma 25% setakat keuntungan sebanyak \$26,000.

35% selebih daripada itu.

Di Thailand:

Cuma 30% untuk syarikat diisytiharkan di pasaran saham.

dan 40% untuk syarikat-syarikat lain.

Di Singapura:

Cuma 40% untuk semua Syarikat.

Di keempat-empat negara, Tuan Yang Dipertua, kadar cukai syarikat adalah dalam lingkungan 20% hingga 40% sahaja, tetapi di negara kita cukai syarikat melebihi terlalu banyak daripada keempat-empat negara ASEAN. Kadar cukai syarikat di Malaysia sampai ke tahap 50% yang mengandungi 40% cukai pendapatan, 5% cukai pembangunan dan dilonggok pula dengan 5% lagi cukai berlebihan atau EPT (Excess Profit Tax). Jika syarikat-syarikat ini dalam perusahaan balak, maka ditambah 10% lagi dan jika mereka dalam perusahaan lombong, ditambah 15% lagi. Ini terlampau tinggi, banyak anih.

Tuan Yang Dipertua, sekaya-kaya negara Jepun pun, kadar cukai syarikat mereka tidak melangit seperti di negara kita. Di Jepun, kadar cukai syarikat cuma 30% untuk syarikat bermodal kurang daripada \$71,000 dan 42% untuk syarikat-syarikat lain.

Tuan Yang Dipertua, tidak guna kita adakan cukai syarikat yang tinggi jika ini menjadi rintangan perkembangan perindustrian dan perniagaan. Penurunan kadar cukai syarikat akan mendorong pelabur-pelabur meningkat lagi jumlah perniagaan dan membesar lagi perniagaan-perniagaan sekarang dengan tabungan dan simpanan keuntungan mereka. Dengan perkembangan perusahaan, dengan izin, "marginal propensity to save" akan meningkat "demestic savings" dan hasil cukai akan bertambah. Dengan kata-kata yang lain, syarikat-syarikat akan menyumbangkan banyak lagi cukai pendapatan daripada untung yang melambak dan negara akan bertambah maju.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya mendesak Kerajaan mengkaji balik struktur cukai syarikat, sekurang-kurangnya selaras dengan negara-negara ASEAN yang lain, kerana kita semua bertanding menarik modal ke dalam negeri dan bertanding merebut pasaran di paras antarabangsa.

Jika diizinkan, saya ingin mencadang kadar cukai syarikat di negara kita adalah seperti berikut:

Untung setakat \$100,000	sebanyak	20%
Setakat \$500,000	sebanyak	30%
dan baki—	sebanyak	40%
maksima		

dan cukai-cukai syarikat yang lain seperti cukai pembangunan, cukai kelebihan untung (Excess Profit Tax) dan lain-lain lagi seperti cukai atas syarikat lombong dan cukai atas syarikat balak dibatalkan.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya suka menyentuh cukai perseorangan. Dari segi cukai pendapatan individu juga kadar di negara kita adalah yang teramat tinggi sekali jika dibandingkan dengan kadar-kadar di negara sekitar kawasan Pacific Basin. Keadaan ini mampakan rakyat kita.

Kita berbangga yang kita akan membina masyarakat yang maju dan mewah, tetapi dengan kadar cukai pendapatan individu dimasa ini, kita tidak mungkin mempunyai masyarakat yang maju dan mewah tanpa individu-individu yang maju dan mewah. Cuba kita bandingkan cukai pendapatan pekerja-pekerja di negara-negara ini secara pendapatan dalam matawang Amerika Syarikat. Pekerja-pekerja yang berpendapatan sederhana sebanyak US\$20,000 setahun, cukai pendapatan mereka adalah:

Di Jepun cukai cuma sebanyak US\$2,354.

Di Singapura cuma sebanyak US\$2,843.

Di Malaysia sebanyak US\$4,641.

Kesimpulannya, Tuan Yang Dipertua, negara kita membebankan rakyat yang berpendapatan sederhana sebanyak 100% lebih daripada rakyat di negara Jepun. Diperingkat pendapatan sederhanalah produktiviti yang tinggi sekali dapat diperhasilkan.

Untuk pekerja-pekerja yang berpendapatan tinggi pula, Tuan Yang Dipertua, dalam matawang Amerika sebanyak US\$120,000 setahun maka cukai-cukai mereka adalah seperti berikut:

Di Jepun cukai sebanyak US\$55,127.

Di Singapura cuma sebanyak US\$37,707.

Di Malaysia hingga US\$61,173.

Kesimpulannya, Tuan Yang Dipertua negara kita membebankan

rakyat sebanyak hampir 100% lebih banyak daripada rakyat di negara Singapura. Kepada tingkatan inilah produktiviti negara dirumuskan untuk diimplementasikan. Seperti saya sebutkan: Don't kill the goose that lays the golden eggs, untuk kemakmuran negara.

Selain daripada kadar cukai pendapatan individu yang tinggi sekali di sekitar kawasan ini, iaitu tax bracket ke tahap 55%, banyak individu ditambah lagi bebanan cukai, dengan cukai pembangunan 5% dengan cukai lebih keuntungan 5%, dengan cukai keuntungan 5%, mendapai ke tahap 65%. Tidak perlu lagi bekerja cuma dapat 35 sen di atas \$1.00.

Tuan Yang Dipertua, saya mendesak Kerajaan mengkaji balik struktur cukai pendapatan individu di negara ini jika kita perlu menukar sikap work ethic kita dan mempertingkatkan pertumbuhan pelaburan dan ekonomi negara kita. Izinkan saya mencadangkan, Tuan Yang Dipertua:

- (i) kecuailian cukai (tax relief) yang diwujudkan berpuluh-puluh tahun lepas dikaji balik seimbang dengan dasar-dasar dan strategi sosial dan ekonomi negara;
- (ii) kadar cukai syarikat dilaraskan ke tahap tidak melebihi daripada kadar di negara persaingan utama kita yang dekat sekali, iaitu Singapura;
- (iii) kadar cukai pendapatan individu dikurangkan atau tax bracket yang tinggi sekali diberes ke selaras yang sama dengan kadar cukai pendapatan syarikat.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah.

6.46 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong di atas Belanjawan tahun 1983 iaitu satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1983 yang berjumlah \$28,749,017,033 diperuntukan bagi Belanjawan 1983. Daripada jumlah itu, \$17,079,028,120 atau 59.4% adalah untuk perbelanjaan Mengurus dan \$11,669,988,913 atau 40.6% untuk perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana telah pun mengatur dasar Belanjawan bagi tahun 1983 yang pada keseluruhannya disambut baik oleh rakyat dalam negara kita ini. Oleh itu di sini saya akan cuba menyentuh serba-serbi di dalam Belanjawan ini iaitu dari satu Jabatan ke satu Jabatan yang mana dapat kita perbaiki pada tahun 1983 kerana perbelanjaan yang begitu banyak. Kerajaan kita pada hari ini juga telah menurunkan sedikit sebanyak perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak patut dibelanjakan telah pun dikurangkan.

Oleh itu di sini, Tuan Yang Dipertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, sekali lagi saya berharap kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan perbelanjaan kewangan ini bagi tahun hadapan supaya berhati-hati. Kita tidak mahu lagi banyak teguran-teguran daripada rakyat, begitu juga disiarkan di dalam suratkhobar-suratkhobar mengatakan perkakas-perkakas, alat-alat dan sebagainya

yang membazir yang dibeli tetapi tidak digunakan. Oleh itu kita berharap kepada kakitangan Kerajaan atau pegawai Kerajaan supaya berhati-hati bagi membelanjakan kewangan ini. Wang ini adalah wang rakyat, wang kita sendiri. Oleh itu Kerajaan kita telah sedaya upaya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Dr Mahathir sekarang ini yang cuba menyelesaikan bermacam-macam masalah yang mana adalah bertujuan untuk kesetabilan dalam negara kita ini.

Di samping itu saya juga ingin menyentuh serba sedikit dalam Dewan yang mulia ini iaitu ada kalangan Ahli-ahli dalam Dewan Negara ini nampaknya tidak puas hati di atas dasar yang telah dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini, yang mana masih lagi mengungkit-ungkit satu-satu kaum yang ada di dalam negara kita ini sebagaimana yang telah kita dengar dalam ucapan salah seorang ahli kita petang semalam yang menyentuh dalam Dewan Negara ini, dia menyarankan supaya Dewan Negara ini ditutup sahaja.

Saya rasa kita ini mengikut pepatah orang Malayu, "biarlah duduk dahulu sebelum belunjur". Kita patutnya memahami lebih awal keadaan dalam Dewan Negara ini. Janganlah hanya baru duduk lima enam hari telah pun menyalahkan ahli-ahli juga seterusnya Menteri-menteri dan juga yang lain-lain. Ini rasa saya tidaklah baik, di samping itu kita Ahli Dewan Negara ini sepatutnya mencerminkan kepada rakyat yang kita di dalam Dewan Negara ini betul-betul untuk menyatu padukan rakyat di dalam negara kita ini bukan untuk memecah-belah atau syakwasangka dan sebagainya kepada satu-satu pihak ataupun satu-satu kaum.

Inilah harapan saya dan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Yang Dipertuan

Agong dahulu juga Baginda pun ada menyentuh, dengan izin, saya hendak bacakan di sini,

“Gunakanlah peluang dan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat”.

Oleh itu kita tidaklah mahu Dewan ini dijadikan satu Dewan untuk memecah-belahkan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Itulah harapan saya supaya kita di dalam Dewan yang mulia ini supaya sedaya upaya memperbaiki dan juga jangan menyentuh satu-satu pihak di dalam negara kita ini. Kita hendaklah bak kata pepatah orang Melayu, “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”.

Sekarang saya masuk dalam soal perbelanjaan kita bagi tahun 1983. Di sini ingin saya menyentuh dahulu iaitu Dewan Parlimen kita ini yang peruntukannya telah pun diperuntukan begitu banyak. Tetapi saya berasa dukacita sedikit keadaan dalam Parlimen ini yang keadaannya, di dalam Dewan dan di luar Dewan, umpamanya bilik-bilik tandas yang kita lihat pada hari ini ada yang tidak berair, tangki-tangki airnya pecah, ada kepala paipnya tidak ada lagi. Rasa saya ini tanggungjawab pegawai-pegawai di Parlimen bagi memperbaiki, kerana Parlimen ini selalu dilawati oleh pelawat-pelawat dari luar negeri lebih-lebih lagi sekarang Jabatan Perdana Menteri pun sudah ditempatkan di Parlimen ini. Oleh itu saya berharap supaya keadaan dalam Parlimen ini kalau boleh diperbaiki. Kita tidak mahu melihat keadaan pada hari yang

pertama, tempat rehat dalam Parlimen itu pun tiada berlampu, telefonnya pun sudah pecah, nombor telefon nombor extension, begitu juga telefon-telefon yang lain dicakar-cakar Buku Panduan Telefon yang koyak rabak.

Sungguhpun perkara ini kecil, tetapi dipandang oleh orang luar nampaknya kita ini tidak ada berdisiplin, itulah harapan saya kepada Jabatan Parlimen ini. Saya di Parlimen-parlimen yang lain di luar negeri ada disediakan rumah kakitangan yang bekerja di Parlimen. Umpamanya yang bekerja, minta izin, seperti jaga, ataupun pekerja-pekerja di dalam ini yang sekarang ini duduk jauh dari Parlimen lebih kurang 10 atau 20 batu, Apa salahnya, kawasan Parlimen ini masih luas, kalau tidak silap ada 44 ekar, saya rasa eloklah Menteri yang berkenaan memikirkan supaya dapat didirikan rumah kediaman sama ada flat dan sebagainya untuk memudahkan pegawai-pegawai di sini yang mana kita tahu mereka ini bekerja sehinggakan jauh malam.

Sekarang saya masuk dalam soal Kementerian Wilayah Persekutuan yang mana rasa saya banyak telah disentuh tetapi masih lagi saya berharap kepada Kementerian ini agar dapat memperbaiki umpamanya keadaan sebagaimana saya katakan lalulintas, banjir, kebakaran, rumah-rumah setinggan, peniaga-peniaga yang berselerak dan juga perkara-perkara yang lain yang mana peruntukan kepada Kementerian Wilayah ini telah pun diperuntukkan sejumlah \$158,000 juta di bawah B. 18.

Tentang masalah perparitan itu bah yang selalu berlaku di Kuala Lumpur yang mana dalam peruntukan 1981-85 di dalam B. 18 ini hanya saya lihat peruntukan untuk perparitan diperuntukan \$6,600,000 sahaja, dan

dengan peruntukan yang sebegitu kecil, rasa saya sampai bila pun keadaan banjir di Wilayah Persekutuan ini tidak dapat diatasi dengan seberapa segera. Di dalam masalah ini, Bandaraya juga saya berharap.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan ini pada hari Isnin.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:
Terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 20hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.